**LRT, BRT & monorel di Seberang Perai** MS 2 & 3

**Waspada 'pegawai Bahagian Perumahan palsu'** MS 7



PERCUMA

buletin Mutiara

Cekap Akauntabel Telus

www.buletinmutiara.com

1 – 15 MAC, 2016

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Dialog Mufti & Biskop, wujud jambatan harmoni dua pihak

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **CHAN LILIAN**

**GEORGE TOWN –** Mufti Pulau Pinang, Sohibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor menyatakan bahawa pertimbangan dari segi kepentingan awam adalah dibenarkan apabila tidak menemui dalil yang sahih lagi *soreh* (jelas) dalam Al-Quran dan As-Sunnah.

"Kalau sesuatu perkara itu membawa maksud kepentingan awam, maka agama kita (Islam) 'merestui' untuk merujuk kepada kepentingan awam, tetapi tidak boleh memudaratkan dan menyusahkan," katanya di pejabat beliau, Pejabat Mufti Pulau Pinang di sini, 29 Februari lalu.

Beliau berkata demikian selepas saling berdialog kira-kira dua jam dengan Biskop Katolik Pulau Pinang, Sebastian Francis serta para pemimpin kedua-dua agama baru-baru ini.

Beliau turut mengulas mengenai Mahkamah Persekutuan baru-baru ini yang memutuskan bahawa Mahkamah Sivil adalah forum yang sesuai untuk memutuskan mengenai pembubaran perkahwinan serta hak penjagaan kanak-kanak apabila seorang daripada pasangan memeluk agama Islam dan seorang lagi kekal bukan Islam.

"Terserah kepada kehakiman, mungkin artikel tertentu itu perlu dibuktikan (ditafsirkan)," respons beliau kepada pemberita.

Dalam perkembangan lain, Wan Salim menegaskan Islam memerangi aktiviti melampau dan keganasan sebagaimana dilakukan oleh ISIS, serta beliau berharap semua rakyat tanpa mengira agama berlumba-lumba melaksanakan pembaikan nilai dalam negara.

"Apabila kita mengkaji sumber utama agama-agama selain Islam pun, saya dapati tidak ada agama yang menyeru kepada ekstremisme...semua agama menyuruh manusia saling berbuat baik," jelasnya.

Sebelum itu, Wan Salim melahirkan rasa terharu kerana buat julung kalinya dialog antara beliau dan Biskop Katolik Pulau Pinang diadakan di pejabatnya.

"Setakat yang saya tahu, ini adalah kali pertama kita bertemu dan membincangkan isu-isu seperti Islam dan Kristian.

"Ia adalah sangat bermanfaat kerana kedua-dua pihak berjaya membersihkan beberapa kekeliruan dan salah faham.

"Kita mesti mempunyai hubungan yang baik dengan menjelaskan kepada rakyat mengenai perbezaan di antara kita (Islam dan Kristian).

"Dalam mana-mana agama sekalipun, ia adalah semulajadi untuk berbeza, sebagaimana semua manusia jua mempunyai perbezaan antara satu sama lain," ujarnya sambil melahirkan rasa gembira.

Dalam pada itu, Francis melahirkan rasa bersyukur kerana usaha mewujudkan jambatan keharmonian di antara kedua-dua agama subur di Pulau Pinang.

"Saya amat terharu dan kagum dengan Datuk Mufti dan komitmen pasukannya," katanya.



**DR. Wan Salim Wan Mohd. Noor saling bersalaman dengan Sebastian Francis selepas majlis dialog di Pejabat Mufti Pulau Pinang di sini, 29 Februari lalu.**

## Penempatan semula penduduk Fasa 2 RTB Sg. Pinang selesai, KN tuntut janji Pusat

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**DATUK KERAMAT –** Kerajaan Negeri baru-baru ini sekali lagi menuntut janji Pusat berhubung peruntukan bagi pelaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang Fasa 3 di sini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, Fasa 3 RTB Sungai Pinang tidak dapat dilaksanakan kerana Pusat tidak meluluskan permohonan Kerajaan Negeri walaupun telah banyak permohonan dibuat termasuk meyakinkan pihak berkaitan bahawa projek tersebut merupakan projek prioriti yang perlu dilaksanakan.

"Sebelum ini, Kerajaan Pusat telah bersetuju bahawa kerja-kerja penempatan semula dan pembersihan kawasan di jajaran Sungai Pinang adalah menjadi tanggungjawab kita (Kerajaan Negeri).

"Apabila selesai Fasa 2 (penempatan semula dan pembersihan kawasan), maka Kerajaan Pusat akan menyalurkan dana untuk Fasa 3, namun, dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) baru-baru ini, RTB Sungai Pinang tidak tersenarai, hanya dua projek sambungan sahaja tersenarai iaitu di Batu Feringghi (Timur Laut) berjumlah RM10.5 juta dan Tasek Gelugor (Seberang Perai Utara, SPU) berjumlah RM8.5 juta," katanya ketika hadir meninjau kerja-kerja pembersihan peringkat akhir di jajaran Sungai Pinang berdekatan Jalan P. Ramlee di sini baru-baru ini.

Turut sama, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo serta Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Grace Teoh Koon Gee.

Pegawai Daerah, Daerah Timur Laut, Jusni Ismail dan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang, Ir. Sabri Abdul Mulok juga turut serta.

Menurut Kon Yeow, sejumlah 161 premis dan struktur yang berada dalam jajaran Sungai Pinang siap dibersihkan secara berperingkat sejak akhir tahun 2013 dengan kos pembersihan mencecah RM298,030.18.

"Apabila kerja-kerja pembersihan kawasan oleh MBPP dan penempatan semula penduduk terjejas siap, bermakna Fasa 2 projek RTB Sungai Pinang telahpun selesai.

"Juga pembayaran ex-gratia kepada penduduk yang hampir selesai kerana masih ada satu dua penduduk yang menunggu rumah alternatif mereka siap hujung bulan ini," jelasnya yang juga ADUN Padang Kota.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu, projek RTB Sungai Pinang melibatkan empat fasa yang mana Fasa 1 sudahpun dilaksanakan sekitar tahun 1998 dengan melibatkan kos berjumlah RM6,453,693.90.

"Fasa 1 ini termasuklah kerja-kerja melebar dan mendalamkan sungai, pengukuhan dan pengindahan tebing sungai serta proses pengambilan tanah melibatkan 40 penduduk ketika itu.

"Kemudian, Fasa 2 pula melibatkan komponen kerja-kerja penempatan semula termasuk bayaran pampasan melibatkan tiga peringkat iaitu Peringkat 1 melibatkan 133 premis dan struktur, Peringkat 2 (12) dan Peringkat 3 (16).

"Fasa 3 pula merupakan fasa permohonan bagi kerja-kerja fizikal utama tebatan banjir dan pemuliharaan sungai, manakala, Fasa 4 meliputi kerja-kerja penyelenggaraan komponen serta pewartaan tanah tepi sungai sahaja," ujar beliau.

Dalam pada itu, Jagdeep menyatakan Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri telah mencapai persetujuan berhubung projek berkaitan.

"Justeru, saya amat berharap Kerajaan Pusat dapat menunaikan janji mereka kerana Pulau Pinang telah tunaikan tanggungjawab seperti yang diminta," katanya.

Turut mengulas adalah Sabri yang menyatakan bahawa pihaknya akan meneruskan rundingan dengan Kerajaan Pusat supaya kerja-kerja Fasa 3 RTB Sungai Pinang dapat dilaksanakan segera.

Difahamkan, Fasa 3 RTB Sungai Pinang melibatkan dua komponen utama iaitu kerja-kerja peningkatan kualiti air sungai dan kerja-kerja tebatan banjir dengan kos keseluruhan mencecah RM654 juta.

# PIP: LRT, BRT dan monorel di Seberang Perai

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA –** Lebuh raya yang akan dibina melalui Pelan Induk Pengangkutan (PIP) di negeri ini tidak akan dikenakan tol, kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Beliau berkata berkata demikian pada Majlis Penerangan Awam Mengenai Pelan Induk Pengangkutan (TMP) Pulau Pinang kepada Ahli Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) serta semua Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Peringkat Seberang Perai baru-baru ini.

“Di kawasan pulau, semua lebuh raya yang kita (Kerajaan Negeri) buat, kita bercadang untuk tidak mengenakan tol, sama juga di bahagian Seberang (Perai).

“Ini, membuktikan bahawa tanpa mewujudkan tol, kita (Kerajaan Negeri) masih boleh hidup tanpa bankrap juga.

“Itulah perbezaan yang ketara antara Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Harapan (PH), banyak perbezaan dan tol adalah satu lagi perbezaannya,” ucapnya pada majlis berkaitan di sini.

Ahli panel lain dalam majlis tersebut adalah Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas & Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Szeto Wai Long (Pengarah Projek PIP dari Konsortium SRS), Azmi Mohamad (wakil komunikasi korporat Konsortium SRS) dan Ir. A. Rajendran (Timbalan Pengarah Jabatan Kejuruteraan bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP).

Menjawab soalan hadirin, Kon Yeow memberitahu, hasil tambakan laut antara lain untuk membiayai kos pemajuan transit aliran ringan (LRT) dari Komtar ke Bayan Lepas serta lebuh raya dari pulau merentasi laut ke Seberang Perai adalah demi memastikan Kerajaan Negeri memiliki kepentingan atas semua pengangkutan awam tersebut, bukan pihak swasta.

Tambah beliau, kedua-dua projek utama di bawah PIP tersebut akan diserahkan kembali kepada Kerajaan Negeri, selepas siap dimajukan oleh Konsortium SRS selaku rakan pelaksana projek (PDP) nanti.

Azmi pula memberitahu bahawa, kawasan tebus guna itu tidak akan membabitkan kawasan pantai yang menjadi tempat perahu nelayan berlabuh, kerana jaraknya dari pantai kira-kira 200 hingga 300 meter.

“Kawasan tambakan itu akan membentuk pulau baharu, yang kini dikenali sebagai ‘Pulau A’, ‘Pulau B’ dan ‘Pulau C’,” jelasnya.

PIP merupakan projek pemajuan sistem trafik bersepadu yang meliputi pembinaan beberapa batang lebuh raya, termasuk dari pulau ke Seberang Perai.

Pelan itu turut terdiri oleh pemajuan satu jajaran transit aliran ringan (LRT) serta dua monorel di bahagian pulau, serta satu LRT lain merentasi laut ke tanah besar Seberang Perai.

Selain itu, satu lagi jajaran monorel lain serta sistem bas rapid transit (BRT) turut akan diwujudkan di Seberang Perai.




JARINGAN laluan LRT yang dicadangkan dalam pelan PIP dari George Town - Butterworth.

Note: Transit alignment & system are subject to review prior to implementation

JARINGAN monorel antara Raja Uda – Bukit Mertajam.




| | |
|---|---|
| Length (km) | 14 |
| No of Stations | 15 |

Note: Transit alignment & system are subject to review prior to implementation

JARINGAN BRT antara Permatang Tinggi – Batu Kawan.




| | |
|---|---|
| Length (km) | 28 |
| No of Stations | 21 |

Note: Transit alignment & system are subject to review prior to implementation

# Lantik dua pakar perundangan elak tuntutan ganti rugi pemaju



PROFESOR S.S. Gurdial Singh Nijar.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Risiko membayar pampasan kewangan mencecah jutaan ringgit terpaksa dihadapi Kerajaan Negeri hari ini gara-gara pemimpin Barisan Nasional (BN) terdahulu meluluskan beberapa pemajuan 'istimewa' di Pulau Pinang sebelum tahun 2008.

Susulan itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menjemput dua pakar perundangan sebagai persiapan, sekiranya pemaju Sunway City (Penang) Sdn. Bhd. (Sunway City) membuat semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi berhubung suatu 'projek istimewa' kelak.

Katanya, Pensyarah Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya, Prof. S.S. Gurdial Singh Nijar dan Persatuan Kebangsaan Hak Asasi Manusia (HAKAM), Datuk S. Ambiga masing-masing telahpun bersetuju untuk membantu Kerajaan Negeri demi mengelak risiko saman tersebut.

"Kedua-dua pakar ini bersetuju membantu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mengelakkan ganti rugi kewangan yang besar dibayar kepada pemaju atas keputusan menolak permohonan kebenaran merancang melibatkan ketinggian 76 meter (250 kaki) atau bagi projek istimewa yang telahpun diluluskan oleh Kerajaan Negeri terdahulu.

"Ini adalah berikutan keputusan terkini yang dibuat di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 oleh Datuk Yeow Yang Poh, Presiden Lembaga Rayuan," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam pada sidang media di sini baru-baru ini.

Selain Gurdial, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo dan Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong turut sertai sidang media tersebut.

Terdahulu, Lembaga Rayuan antara lain mengulas bahawa MBPP tidak sepatutnya meluluskan projek Sunway City bagi tanah melebihi ketinggian 76 meter dengan membenarkan pemajuan enam unit per ekar atau 15 unit per ekar oleh Kerajaan Negeri terdahulu.

Menurut ulasan Lembaga Rayuan lagi, MBPP sepatutnya tidak perlu membayar gantirugi bagi 'projek istimewa' tersebut kepada pemaju.

Mengulas isu berbangkit ini, Guan Eng memberitahu bahawa keputusan Lembaga Rayuan tersebut adalah tertakluk pada semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi.

Tambahnya, Sunway City serta pemilik tanah lain yang terkilan dengan keputusan Lembaga Rayuan masih mempunyai 90 hari untuk membuat semakan kehakiman tersebut.

"Sunway City telah memaklumkan hasratnya kepada saya tentang niatnya untuk berbuat demikian dan mungkin akan menuntut ganti rugi, jika Mahkamah Tinggi mengesahkan keputusan Lembaga Rayuan.

"Ini akan memberi peluang kepada MBPP untuk menolak *(overturn)* projek-projek 'istimewa' yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri terdahulu tanpa perlu membayar ganti rugi kewangan," ujarnya sambil menyifatkan kes tersebut akan menjadi kes utama dalam abad ini bagi undang-undang perancangan di Malaysia.

Dalam perkembangan sama, Guan Eng turut memberitahu bahawa Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) terlepas daripada membayar pampasan sebanyak RM244 juta (RM243,630,810) berhubung kes pengambilan tanah, yang difail oleh plaintif, NEG Engineering Sdn. Bhd. pada tahun 1994.

"Satu lagi kes, katanya, kes pengambilan balik tanah pada tahun 1992 di Perai (iaitu tapak pasar raya Megamall Penang), yang dikenali sebagai 'Kes Bagan Serai Housing Estate Sdn. Bhd.'.

"Malangnya, Kerajaan Negeri tewas dan diarahkan membayar pampasan sebanyak RM14.7 juta dan masih berusaha menuntut balik bayaran tersebut di Mahkamah Rayuan," ujar beliau.

Demi mengelak risiko bankrap, Guan Eng memberitahu, Kerajaan Negeri hari ini pernah bersetuju dengan projek istimewa yang diluluskan oleh pemimpin BN terdahulu sungguhpun terpaksa berdepan dengan kritikan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Apabila Kerajaan Negeri membayar pampasan, tiada pihak menawarkan walau sesen untuk membantu, meskipun janji-janji manis dibuat oleh beberapa NGO," nyatanya.

Difahamkan, Kerajaan Negeri hari ini melalui MBPP diarahkan membayar pampasan RM20 juta kepada Boustead Holdings Bhd. kerana mengurangkan ketinggian hotel dari 12 tingkat kepada lima tingkat, yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri terdahulu.

Langkah itu terpaksa dilakukan memandangkan pihak UNESCO mensyaratkan bahawa semua bangunan di kawasan George Town Tapak Warisan Dunia adalah tidak boleh melebihi lima tingkat atau 18 meter, tetapi tidak dipenuhi oleh Kerajaan Negeri terdahulu.

Akibat kesilapan pemimpin BN terdahulu, Kerajaan Negeri hari ini turut terpaksa membayar pampasan sebanyak RM29.4 juta kepada Tan Hak Ju, berhubung suatu kes tanah di Bukit Mertajam.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang hari ini hidup dalam 'ketakutan' untuk berhadapan dengan bayaran pampasan yang tinggi akibat daripada kegagalan Kerajaan Negeri BN yang terdahulu, yang boleh mengakibatkan Kerajaan Negeri hari ini menjadi bankrap," tegas Guan Eng.

# Sistem gred COMBI pantau wabak denggi, zika

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Kaedah penggredan premis melalui kerjasama Skuad Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku (COMBI) setempat akan diaktifkan semula, demi memastikan tiap-tiap lokaliti bebas daripada pembiakan jentik-jentik.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, langkah itu bukan sahaja mencegah penularan wabak denggi, bahkan sekaligus sebagai persiapan menghadapi risiko virus zika yang kini telahpun menyerang negara jiran, Thailand.

"Sistem gred ini sebenarnya sudah dilancarkan sejak awal tahun 2015 lagi, namun agak perlahan selepas itu, dan kini kita berhasrat untuk mengaktifkan semula dengan melekat kad berkenaan di setiap rumah," katanya selepas Majlis Taklimat Khas Ancaman Wabak Denggi dan Zika Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Timbalan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri, Dr. Norlia Yahya.

Jelas Afif, menerusi pelaksanaan inisiatif berkaitan, tiap-tiap premis akan dinilai mengikut gred A, B, C dan D di atas kad penggredan.

"Kriteria A menunjukkan tiada tempat pembiakan jentik-jentik dijumpai, terdapat satu tempat pembiakan (B), terdapat dua tempat pembiakan (C), lebih dari dua tempat pembiakan (D) dan menunjukkan ada jentik-jentik peringkat kepompong dijumpai (E)," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Afif turut memuji COMBI Titi Teras dekat Balik Pulau kerana memulakan kembali sistem penggredan tersebut.

"Skuad COMBI Titi Teras, Balik Pulau memperkenalkan sistem penggredan ini pada mulanya, dan kita dapati ianya efektif untuk mengesan tahap pembiakan nyamuk di sesebuah lokaliti," jelas beliau.

Dalam pada itu, Guan Eng dalam ucapannya memberitahu bahawa beliau sendiri sebelum ini menghadiri rumah mangsa kematian akibat denggi supaya menyemarakkan kesedaran komuniti terhadap wabak pembunuh itu.

"19 kes (kematian) akibat denggi pada tahun lepas sudah (2015) cukup tinggi, berbanding sembilan kes dalam tempoh satu bulan setengah (sehingga 13 Februari 2016).

"Sekali lagi, saya merayu supaya segera berjumpa doktor apabila demam, dan bersama-sama menjaga kebersihan di sekeliling tempat tinggal kita," jelasnya yang juga ADUN Air Putih.

Pada majlis sama, Norlia memberi taklimat khas mengenai peri bahaya zika dan denggi.




DR. Afif Bahardin menunjukkan kad penggredan COMBI yang akan digunapakai bagi memantau pembiakan denggi di sesebuah premis.

# P. Pinang negeri pertama pasang AED di tempat awam

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF & AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI & LAW SUUN TING**

**BAYAN LEPAS –** Pulau Pinang menjadi negeri pertama di Malaysia yang melaksanakan pemasangan 10 unit alat peranti *Automated External Defribillator* atau AED di tempat awam terpilih di negeri ini bagi membantu mangsa serangan jantung atau *cardiac arrest*.

Sebagai permulaan, alat itu akan dipasang secara berperingkat di 10 tempat awam terpilih di bawah inisiatif program '*Penang Heart Safe*'.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, langkah terbaik dan terpantas bagi membantu menyelamatkan mangsa serangan jantung adalah melalui teknik ringkas seperti CPR *(cardiopulmonary resuscitation* atau resusitasi kardiopulmonari) dan penggunaan alat AED.

"Dalam kes-kes kecemasan, khususnya serangan jantung, lagi pantas anda bertindak lagi baik untuk membantu menyelamatkan nyawa mangsa, kalau dapat menyelamatkan satu nyawa pun berbaloi," katanya selepas Majlis Pelancaran Alat AED sempena Program Penang Heart Safe di Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Patahiyah Ismail; Pengarah Perkhidmatan Perbandaran, Kesihatan Awam dan Pelesenan MBPP, Dr. Judy Shoba dan Ahli Majlis MBPP, Joseph Ng Soon Siang.

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner (ACP) Mior Faridalatrash Wahid dan Konsultan Anastasia Hospital Pulau Pinang (HPP), Dr. Luah Lean Wah turut hadir pada majlis berkaitan.

Guan Eng dalam pada itu, berharap agar orang ramai dapat memanfaatkan penggunaan alat AED dan memelihara alat berkenaan dari sebarang perilaku vandalisme.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan terus melaksanakan program-program pendidikan dan latihan berhubung rawatan kecemasan teknikal dengan menggunakan AED kepada umum dari masa ke masa dan berharap ia berbaloi selaras dengan usaha menjadikan Pulau Pinang negeri bertaraf antarabangsa dan pintar serta menitikberatkan aspek bersih, hijau, sihat dan selamat," ujarnya.

Difahamkan, Kerajaan Negeri membelanjakan RM41,340 untuk membeli lima unit AED, manakala lima unit lagi disumbangkan oleh syarikat korporat, Medical Corporation sebagai sebahagian dari inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat berkenaan.

Sehingga Februari 2016, sebanyak empat unit AED telah dipasang masing-masingnya di Tingkat 3, Bangunan Komtar; Kompleks Ibu Pejabat MPSP (Majlis Perbandaran Seberang Perai) di Bandar Perda, Seberang Jaya; Taman Bandaraya Pulau Pinang (dahulu dikenali sebagai Taman Belia) dan Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong.

Antara lokasi yang dikenal termasuklah, Botani, Persiaran Persiaran Lama (Timur dua kompleks Jalan Betik, Seberang (Seberang SPT) dan di Bertam, Seberang Perai Utara (SPU).

> **Pulau Pinang merupakan negeri pertama di Malaysia yang melaksanakan pemasangan 10 unit alat peranti AED di tempat awam terpilih di negeri ini.**



KETUA Menteri menunjukkan unit peranti AED sambil ditemani Dr. Afif Bahardin (dua dari kanan), Patahiyah Ismail (dua dari kiri) dan Mior Faridalatrash Wahid (kiri sekali) pada Majlis Pelancaran Alat AED sempena Program Penang Heart Safe di Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong di sini baru-baru ini.



ANTARA pengunjung Taman Bandaraya Pulau Pinang mendengar penerangan teknikal penggunaan AED daripada pegawai bertugas.

## Kurang birokrasi, industri ternak ikan dalam sangkar cecah RM 1.2 bilion setahun

**GEORGE TOWN –** Kegigihan beberapa agensi kerajaan memudahkan proses permohonan untuk mewujudkan aktiviti penternakan ikan dalam sangkar sejak tahun 2008 di Pulau Pinang, kini membawa hasil kasar mencecah RM1.2 bilion setahun.

Justeru, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyeru semua penjawat awam supaya terus meningkatkan mutu pelanggan, yang nyata turut menyumbang kepada penjanaan ekonomi rakyat.

"(Sebelum tahun) 2008, Pulau Pinang tak ada satupun sangkar ikan di atas laut, sekarang kita ada lebih 300 (sangkar ikan atas laut), dengan (hasil kasar) RM1 bilion hingga RM1.2 bilion.

"Kita (Kerajaan Negeri) tidak membuat sebarang pelaburan (dalam industri sangkar ikan).

"Tetapi, kita (Kerajaan Negeri) boleh lihat, sekiranya kita kurangkan birokrasi dan tingkatkan keberkesanan (mutu pelanggan), hasil yang diterima oleh negeri dan rakyat adalah lebih besar.

"Sampai (pelanggan) dari Perak pun datang kerana proses permohonan yang begitu mudah, terus tiga bulan boleh dapat jawapan (permohonan), tak payah melalui orang tengah," katanya pada Majlis Perhimpunan Penjawat Awam di sini baru-baru ini.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus turut berucap pada majlis rasmi itu.

Hadir sama, barisan Exco Kerajaan Negeri serta Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan Pulau Pinang.

Tegas Guan Eng, impian menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri bertaraf antarabangsa sebenarnya bergantung kepada mutu perkhidmatan para penjawat awam.

"Kalau kita mahu Pulau Pinang dilihat menjalankan transformasi sebagai sebuah negeri bertaraf antarabangsa, ini hanya dapat berjaya dilaksanakan sekiranya warga perkhidmatan awam juga bertaraf antarabangsa," jelas beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.

Selain itu, Guan Eng menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri mencatatkan lebihan belanjawan sungguhpun tidak mengenakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan untuk rakyat, sebagaimana diamalkan Kerajaan Pusat sampai sekarang.

"Lebihan belanjawan (surplas) terkumpul sepanjang tujuh tahun dari 2008 hingga 2014 adalah sebanyak RM507.12 juta, (iaitu) jauh melebihi lebihan belanjawan 50 tahun sebelum ini (1957 hingga 2007) semasa Kerajaan Negeri di bawah Barisan Nasional (BN)," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam.

Tambah beliau, perincian lebihan belanjawan yang dicatatkan oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 2008 adalah berjumlah RM87.99 juta, diikuti RM77.34 juta (2009), RM33.54 juta (2010), RM138.31 juta (2011), RM114.47 juta (2012), RM1.3 juta (2013) dan RM54.17 juta (2014).

Sebelum itu, Farizan menggesa ketua-ketua jabatan supaya bertindak lebih tegas ke atas penjawat awam yang melakukan kesalahan berat, termasuk digantung tugas hatta dibuang kerja.

Beliau memberitahu, seramai 53 kakitangan dikenakan tindakan tatatertib sepanjang tahun lalu atas pelbagai kesalahan, termasuk yang terjebak dengan najis dadah.

"Seramai 13 daripada mereka adalah di bawah Jabatan Negeri dan baki seramai 40 adalah di (bawah) pihak berkuasa tempatan (PBT)," jelas Farizan.

Katanya, 34 daripada 54 penjawat awan berkenaan telahpun dibuang kerja, manakala baki lain dikenakan pelbagai hukuman termasuk turun gaji serta menangguhkan kenaikan gaji.

# *Gurney Wharf*, 'hadiah' KN untuk rakyat P. Pinang

**GEORGE TOWN** – Projek ikonik persiaran pantai dikenali *Gurney Wharf* bakal menjadi tarikan baru sektor pelancongan bukan sahaja di negeri Pulau Pinang, malah dalam negara.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika mengumumkan perkara tersebut baru-baru ini berkata, *Gurney Wharf* adalah 'hadiah' daripada Kerajaan Negeri untuk rakyat Pulau Pinang.

"Kita (Kerajaan Negeri) percaya, setiap bandar raya terkemuka di dunia perlu ada sebuah *'waterfront promenade'* atau sesiaran tepi pantai yang bertaraf antarabangsa dan Pulau Pinang tidak terkecuali.

"Mengambil inspirasi dari beberapa dermaga *(wharf)* pesisir pantai terkenal di dunia seperti *Fisherman's Wharf* di San Francisco, Amerika Syarikat; *Canary Wharf* (London, United Kingdom) dan *King Street Wharf* (Sydney, Australia), kita (Kerajaan Negeri) yakin ia akan menjadi destinasi tumpuan awam yang bukan sahaja mesra rakyat, tetapi juga mesra alam sekitar," katanya selepas hadir ke Pameran Awam Projek *Gurney Wharf* di Plaza Gurney di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari dan Pengarah Perancangan Bandar dan Desa Negeri, Mohd. Anuar Maidin.

Guan Eng dalam pada itu memberitahu, dalam melaksanakan projek berkaitan, Kerajaan Negeri telah menjangka dan mengambil maklum beberapa isu berkaitan alam sekitar serta trafik.

"Kita (Kerajaan Negeri) memberi jaminan bahawa isu alam sekitar akan menjadi keutamaan sekaligus mengembalikan semula imej Persiaran Gurney sebagai kawasan riadah persisir pantai tumpuan di negeri ini.

"Bagi mengatasi masalah lalulintas pula, Kerajaan Negeri akan membina lebuhraya lapan lorong yang bukan sahaja selamat untuk pemanduan, malah juga untuk pejalan kaki dan mereka yang berbasikal," jelasnya yang berpuas hati dengan maklum balas positif yang diterima sejak pengumuman projek berkaitan pada 23 Februari lalu termasuk di sini (Plaza Gurney).

Dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2020, projek *Gurney Wharf* merangkumi empat kawasan 'berperwatakan' iaitu medan makan dan minuman persisir pantai, taman air diinspirasikan dari *Gardens by the Bay*, Singapura, persisir pantai sejauh 1.5 kilometer dan kawasan teduhan yang dilengkapi dengan pokok teduhan dan kawasan riadah.

*(Rujuk juga muka surat 14 & 15).*



PEMANDANGAN Persiaran Gurney kini.



**SALAH satu sisi *Gurney Wharf* mengikut ilustrasi artis.**

# PTSR manfaat 2,179 usahawan sejak 2009

**PANTAI JEREJAK** – Semenjak Program Titian Saksama Rakyat (PTSR) diperkenalkan pada tahun 2009 hingga Februari lalu, seramai 2,179 usahawan kecil negeri ini 'dibantu' dengan membabitkan jumlah peruntukan RM9.48 juta.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkata, skim pinjaman PTSR adalah bertujuan memberi galakan kepada rakyat untuk menceburi bidang perniagaan sebagai usaha Kerajaan Negeri membasmi kemiskinan di negeri ini.

"Pastinya, keutamaan diberikan kepada peniaga-peniaga kecil dengan jumlah pinjaman maksimum bernilai RM5,000 dan tempoh bayaran balik sehingga dua tahun, tanpa faedah.

"Daripada 2,179 peminjam berkaitan, 83.4 peratus adalah berketurunan Melayu, manakala Cina (8.4 peratus) dan India (8.2 peratus)," katanya pada Majlis Penyampaian Cek PTSR di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rosli Jaafar dan Phan Gaik Cher (Ketua Pegawai Kewangan PDC).

PTSR yang dilaksanakan menerusi jalinan kerjasama bersama PDC adalah bertujuan membantu usahawan kecil memulakan peniagaan melalui skim pinjaman dan pembiayaan balik mudah serta tidak membebankan.

Menurut Mohd. Rashid, walaupun kemudahan tersebut disediakan demi kepentingan rakyat negeri ini, beliau bagaimanapun terkilan apabila masih terdapat 18 peratus peminjam yang masih gagal melunaskan bayaran balik.

"Jumlah pinjaman terbabit adalah RM1.57 juta.

"Justeru, diharapkan semua berwajib masing-masing membayar balik mengikut jadual yang dipersetujui bersama sebelum ini," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak.

Dalam pada itu, salah seorang peniaga kuih dan nasi lemak, Muhammad Hafiz Afandi, 26, mengakui bahawa PTSR banyak membantu beliau mengembangkan perniagaan kuih-muihnya.

"Kaedah pembayaran balik secara mingguan yang mana pegawai PDC sendiri datang kutip wang di premis perniagaan amat memudahkan urusan.

"Ini merupakan kali kedua saya membuat pinjaman PTSR," katanya yang berhasrat membeli sebuah mesin bagi membantu pembuatan kuih karipap dan peti sejuk beku.

Difahamkan, kali pertama Muhammad Hafiz memperoleh kelulusan bantuan pinjaman PTSR adalah pada tahun 2014.

**2009 – Februari 2016 :**
- **PTSR bantu 2,179 usahawan kecil dengan peruntukan RM9.48 juta.**
- **83.4% Melayu; Cina (8.4%) dan India (8.2%)**



**MUHAMMAD Hafiz Afandi.**

# Lebar Jln. Masjid Negeri, 88% pindah tanam pokok hidup

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**




**GEORGE TOWN** – Pelebaran Jalan Masjid Negeri di antara Bulatan Udini dan Jalan Delima terpaksa dilakukan untuk menangani kesesakan trafik kebelakangan ini hingga pada masa hadapan.

Justeru, Timbalan Pengarah Jabatan Kejuruteraan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. A. Rajendran memberitahu, pokok-pokok di kiri dan kanan jalan terbabit terpaksa dipotong dan akan dipindah tanam untuk kerja-kerja pelebaran jalan tersebut.

"Pada hujung minggu dan musim cuti sekolah, (keadaan trafik sesak) Jalan Masjid Negeri mengakibatkan kesesakan trafik di Jalan Air Itam, (trafik) Lorong Batu Lanchang pun sesak, Jalan Scotland pun sesak, semua jalan jadi sesak.

"Inilah sebabnya, pelebaran jalan di Jalan Masjid Negeri terpaksa dilakukan dan ini (proses memindah tanam pokok) adalah jalan terakhir," jelasnya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Ketika ini, beliau memberitahu, aliran trafik di Jalan Masjid Negeri direkodkan pada tahap maksimum dan kerja-kerja penarafan di jalan-jalan sedia ada adalah langkah terbaik untuk menangani masalah berbangkit tersebut.

"Kenapa di Jalan Masjid Negeri, kerana kesesakan telah mencapai kapasiti maksimum di jalan ini.

"Kita (MBPP) nak memastikan bahawa pelebaran jalan ini dapat menangani kesesakan (trafik) di Jalan Masjid Negeri dengan meminimumkan kos (pemajuan), sebelum pembinaaan (lebuh raya) *Pan-Island Link* antara tahun pada 2023 hingga 2025 nanti," katanya.

Sebelum itu, Rajendran bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Dato' Patahiyah Ismail (Datuk Bandar MBPP), Ir. Addnan Mohd. Razali (Pengarah Jabatan Kejuruteraan MBPP) mengadakan dialog dua hala dengan anggota Jawatankuasa Pemandu Forum Pulau Pinang *(Penang Forum)*.

*Penang Forum* diwakili oleh Datuk Dr. Leong Yueh Kwong, Datin Dr. Kam Suan Pheng, Dr. Lim Mah Hui (yang juga Ahli Majlis MBPP), Rebecca Duckett, Dato' Agatha Foon dan Kanda Kumar.

Dalam majlis dialog itu, Rajendran menjelaskan mengenai isu penebangan 37 batang pokok besar untuk kerja-kerja penarafan jalan-jalan berwajib.

Menurut Rajendran, sebanyak 37 pokok terlibat dalam projek penarafan Jalan Masjid Negeri, di antara Bulatan Udini dan Jalan Delima.

"Daripada jumlah itu, MBPP mengubah tanam 34 pokok serta menebang tiga pokok lain.

"Empat pokok mati dan 30 lagi masih hidup, peratus pokok diubah tanam yang hidup adalah 88 peratus," kata beliau menjawab pertikaian wakil *Penang Forum*.

Tambah Rajendran, sebanyak 19 pokok renek lain yang diubah tanam turut hidup.

Guan Eng memberitahu, sebanyak 271,028 batang pokok ditanam di negeri ini sejak tahun 2008, membabitkan pelbagai agensi kerajaan, pemaju-pemaju, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti setempat.

Beliau berkata demikian sebagai menolak dakwaan pihak tertentu kononnya Kerajaan Negeri hanya mengutamakan agenda menangani kesesakan trafik dengan melakukan kerja-kerja penarafan jalan raya sedia ada, hatta sanggup menebang 34 batang pokok besar di Jalan Masjid Negeri.

**"271,028 pokok telah ditanam sejak tahun 2008 oleh pelbagai agensi kerajaan, pemaju-pemaju, NGO dan komuniti setempat"**

**Chow Kon Yeow, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir.**

**LAPORAN PENANAMAN POKOK DARI TAHUN 2008 HINGGA TAHUN 2015**

| BIL | TAHUN | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1 | 2008 | 49,000 |
| 2 | 2009 | 54,189 |
| 3 | 2010 | 51,368 |
| 4 | 2011 | 47,536 |
| 5 | 2012 | 16,041 |
| 6 | 2013 | 12,346 |
| 7 | 2014 | 13,370 |
| 8 | 2015 | 27,178 |
| | JUMLAH KESELURUHAN | 271,028 |

# Tiada bayaran awalan jalan pintas lulus permohonan RMM - Exco

**GEORGE TOWN** – Empat pembeli rumah kos sederhana rendah tampil memberitahu bahawa mereka ditipu oleh tiga individu yang mengaku sebagai pegawai dari Pejabat Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Mengulas mengenai hal itu, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, Kerajaan Negeri tidak pernah mengenakan apa-apa bayaran awalan sebagai jalan pintas untuk meluluskan permohonan rumah mampu milik (RMM) semua kategori di *The Rise Park* dekat Jalan SP Chelliah, Datuk Keramat.

"Jangan bayar kepada sesiapa yang mengaku sebagai Pegawai Perumahan walau sesen pun, jika dijanjikan rumah.

"Nama Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri seakan dicabuli, saya memang tidak boleh terima.

"Saya berharap mereka yang ditipu segera membuat laporan polis dan aduan kepada Kerajaan Negeri sebagai rekod," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat pada sidang media di sini baru-baru ini.

Tegas Jagdeep, hanya Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Pemilihan Perumahan (SPEC) memutuskan sama ada satu-satu permohonan perumahan diterima atau sebaliknya, selepas mesyuarat ia sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan.

Beliau dalam pada itu turut merakam penghargaan kepada ADUN Komtar, Teh Lai Heng kerana merujuk empat mangsa berkenaan kepada pejabat Exco berkaitan.

Difahamkan, pejabat Jagdeep menerima aduan berwajib daripada tujuh mangsa.

Empat daripada mereka yang hanya mahu dikenali sebagai, Lim ditipu RM10,000, Chuah (RM12,500) serta Loh dan Chow masing-masing membabitkan nilai RM9,300.

ADUN Sungai Puyu merangkap Exco Kebajikan & Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh dan Lim Zheng Young (Pengarah Urusan Zubicon Sdn. Bhd. yang memajukan projek perumahan terbabit) turut menyertai sidang media tersebut.

Sementara itu, Jagdeep pada sidang media bertarikh 4 Mac lalu, merakamkan penghargaan kepada pihak polis kerana berjaya menangkap salah seorang suspek kes penipuan tersebut.

"Apa jua bayaran perlu ada resit rasmi bercetak sama ada dari kaunter di Tingkat 3, Komtar, atau mana-mana pejabat kerajaan berkaitan dan bukan di pusat membeli belah seperti (kes penipuan) yang terjadi baru-baru ini," ujarnya.

Menurut Jagdeep, beliau sendiri turut menulis surat rasmi kepada Ketua Polis Negeri, Datuk Gafar Abdul Rajab supaya siasatan berwajib diteruskan sehingga semua suspek kes penipuan tersebut berjaya ditangkap.



JAGDEEP Singh Deo (dua dari kiri), Phee Boon Poh (dua dari kanan), Teh Lai Heng (kiri sekali), Lim Zheng Young (kanan sekali) dan empat mangsa kes penipuan menunjukkan dokumen-dokumen berkaitan pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

# Pastikan pendawaian rumah selamat - ADUN

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PERMATANG RAWA –** Dua rumah hangus dijilat api, manakala sebuah lagi mengalami kerosakan kecil dalam satu kejadian kebakaran di Kampung Permatang Rawa di sini, 22 Februari lalu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin semasa melawat kawasan kejadian memberitahu bahawa Kerajaan Negeri menyerahkan sumbangan daripada sumber Tabung Bencana Tuan Yang Terutama (TYT), Yang diPertua Negeri serta Zakat Pulau Pinang (ZPP) kepada ketiga-tiga keluarga terbabit.

"Alhamdulillah, kerana tiada kemalangan jiwa yang berlaku walaupun tiga buah rumah yang terlibat.

"Bantuan pada hari ini merupakan bantuan permulaan sebelum bantuan-bantuan lain disalurkan kepada mereka yang terlibat," katanya yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan kepada pemberita di sini baru-baru ini.

Mengambil iktibar dari insiden tersebut, Afif turut menasihatkan penduduk supaya memastikan pendawaian elektrik di kediaman masing-masing dalam keadaan selamat.

"Saya berharap agar penduduk dapat menitikberatkan pendawaian elektrik di rumah masing-masing dan lebih berhati-hati pada musim panas dan kering ini kerana kebakaran lebih mudah berlaku," ujar beliau.

Pegawai Daerah, daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Zulkifli Long turut hadir pada majlis penyampaian bantuan itu.



DR. Afif Bahardin (kanan sekali) dan beberapa pegawai meninjau salah sebuah rumah yang hangus terbakar di Kampung Permatang Rawa di sini baru-baru ini.



MANGSA-mangsa kebakaran menunjukkan cek sumbangan yang diterima.


TAMAN JADI INDAH BUKIT MERTAJAM

5% Diskaun Untuk Bumiputera
Hak Milik Kekal



**Rumah Sesebuah 2 Tingkat**
Unit : 7 unit
Keluasan Binaan : 3434 k.p.s
Keluasan Tanah : 4414 k.p.s (min) – 5985 k.p.s (mak)
Harga Jualan : **RM 800,000.00** (min) – **RM 901,800** (mak)



**Rumah Berkembar 2 Tingkat**
Unit : 16 unit
Keluasan Binaan : 2349 k.p.s
Keluasan Tanah : 3003 k.p.s(min) – 5813 k.p.s (mak)
Harga Jualan : **RM 568,800** (min) – **RM 604,800** (mak)



**Rumah Teres 3 Tingkat**
Unit : 19 unit
Keluasan Binaan : 2791 k.p.s
Keluasan Tanah : 1443 k.p.s (min) - 3046 k.p.s (mak)
Harga Jualan : **RM 488,800** (min) – **RM 558,800** (mak)



**Rumah Teres 2 Tingkat**
Unit : 69 unit
Keluasan Binaan : 1904 k.p.s
Keluasan Tanah : 1421 k.p.s (min) – 4435 k.p.s (mak)
Harga Jualan : **RM 398,800** (min) – **RM 458,800** (mak)




LOKASI PLAN

*Pembeli-pembeli Bumiputera yang berminat sila hubungi:*
***Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri***
***Paras 20, KOMTAR 10503 Pulau Pinang***
*Tel:* ***04-6505 242/6505 244*** • *Fax:* ***04-2622 904***

Nama Pemaju :
**Taman Jadi (1989) Sdn. Bhd.** (183279-D)
No. 40A, Jalan Besar, Taman Cenderawasih, 14300 Nibong Tebal, S.P.S, Pulau Pinang
Tel : **04–5937168** • H/p : **013–5307168** • Fax : **04–5937177**

Lesen : 11806-1/11-2016/02661(L) • Tempoh Sah : 28/11/2015 – 27/11/2016
Permit Iklan : 11806-1/11-2016/02661(P) • Tempoh Sah : 28/11/2015 – 27/11/2016
No. Kelulusan : MPSP/40/20-46/7 • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan Bangunan :
Majlis Perbandaran Seberang Perai • Jenis Hakmilik : Hakmilik Kekal
Bebanan Tanah : Dicagarkan kepada OCBC Bank (Malaysia) Berhad • Tarikh Jangka Siap : Mac 2016

# P. Pinang rai penerbangan sulung dari Ho Chi Minh

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**BAYAN LEPAS** – Syarikat penerbangan tambang murah, Air Asia kini menawarkan penerbangan terus empat kali seminggu antara Pulau Pinang dan Bandar Ho Chi Minh, Vietnam, menjadikannya salah satu bandar IndoChina pertama yang 'disambung' terus ke Pulau Pinang.

Ketua Pegawai Eksekutif Air Asia Berhad, Aireen Omar berkata, penerbangan ke Bandar Ho Chi Minh merupakan laluan antarabangsa ke-enam Air Asia dari Pulau Pinang.

"Laluan ini direalisasikan sebagai menyahut cadangan daripada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang melihat potensi besar bagi laluan antara Saigon (sebelum dikenali sebagai Bandar Ho Chi Minh) dan Pulau Pinang.

"Sebelum inipun, kami (Air Asia) mempunyai perancangan untuk 'menghubungkan' penerbangan terus dari Yangon, Myanmar ke Pulau Pinang dan ia akan direalisasikan pada bulan Mac ini dalam usaha menggalakkan lagi aktiviti pelancongan dan perniagaan antara kedua-dua bandar Asean ini," ujarnya ketika menyambut ketibaan penerbangan sulung antara Pulau Pinang dan Bandar Ho Chi Minh pada 25 Januari lalu di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) di sini baru-baru ini.

Turut sama menyempurnakan majlis bersejarah tersebut adalah Guan Eng.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Penang Global Tourism (PGT), Ooi Chok Yan dan Ketua Komersil Air Asia, Spencer Lee.

Dalam pada itu, Guan Eng berharap pelancong-pelancong dari Bandar Ho Chi Minh dapat menikmati hospitaliti Pulau Pinang sama ada melalui makanan yang enak, pemandangan indah dan pengalaman pelancongan perubatan di negeri ini.

"Pulau Pinang merupakan antara negeri di Malaysia yang menawarkan pelancongan perubatan terbaik di dunia, yang mana anda boleh mendapatkan perkhidmatan kelas pertama pada harga berpatutan.

"Malah, kita (Pulau Pinang) mempunyai doktor-doktor pakar terbaik dan profesional serta hospital-hospital yang menawarkan penjagaan terbaik kepada pesakit di samping lapan hospital swasta utama yang memberi perkhidmatan khusus pakar," jelasnya.

Guan Eng memberitahu, aktiviti pelancongan terus menjadi penyumbang utama pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang.

"Ini terbukti apabila kapasiti PIA telah mencecah tahap maksimum iaitu 6.5 juta pelancong pada tahun 2015, iaitu lima tahun lebih awal dari yang dijangkakan," ujar beliau.



KETUA Menteri dan Aireen Omar (dua dari kiri) menyambut ketibaan sulung pelancong dari Bandar Ho Chi Minh ke Pulau Pinang di PIA di sini baru-baru ini.



**TRADISI menyembur air mewarnai sambutan penerbangan sulung Air Asia dari Bandar Ho Chi Minh ke Pulau Pinang di PIA.**


## Taman Lembah Indah

5% Diskaun Untuk Bumiputera
Hak Milik Kekal



**Rumah Teres 3 Tingkat**
Unit : 30 unit
Keluasan Binaan : 3,312 k.p.s
Keluasan Tanah : 1,303 k.p.s (min) 2,530 k.p.s (mak)
Harga Jualan : **RM 465,800** (min) **RM 602,800** (mak)



**Rumah Teres 2 Tingkat – Jenis A**
Unit : 76 unit
Keluasan Binaan : 2,550 k.p.s
Keluasan Tanah : 1,399 k.p.s(min) 3,542 k.p.s (mak)
Harga Jualan : **RM 388,800** (min) **RM 587,800** (mak)



**Rumah Teres 2 Tingkat – Jenis B**
Unit : 82 unit
Keluasan Binaan : 2,378 k.p.s
Keluasan Tanah : 1,303 k.p.s (min) 2,767 k.p.s (mak)
Harga Jualan : **RM 358,800** (min) **RM 552,800** (mak)



**Rumah Sesebuah 3 Tingkat**
Unit : 21 unit
Keluasan Binaan : 5,695 k.p.s
Keluasan Tanah : 4,005 k.p.s (min) 8,020 k.p.s (mak)
Harga Jualan : **RM 1,100,800** (min) **RM 1,300,800** (mak)



**Rumah Sesebuah 2 Tingkat**
Unit : 50 unit
Keluasan Binaan : 2,786 k.p.s
Keluasan Tanah : 2,788 k.p.s (min) 5,458 k.p.s (mak)
Harga Jualan : **RM 598,800** (min) **RM 758,800** (mak)



**Kedai Pejabat 2 Tingkat**
Unit : 16 unit
Keluasan Binaan : 2,400 k.p.s
Keluasan Tanah : 1,195 k.p.s (min) 1,798 k.p.s (mak)
Harga Jualan : **RM 750,000** (min) **RM 850,000** (mak)

**LOKASI PLAN**




*Pembeli-pembeli Bumiputera yang berminat sila hubungi:*
***Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri***
***Paras 20, KOMTAR 10503 Pulau Pinang***
*Tel:* **04-6505 242/6505 244** • *Fax:* **04-2622 904**

Nama Pemaju :
**Prima Jadi (PG) Sdn. Bhd.** (885724-T)
No. 40A, Jalan Besar, Taman Cenderawasih,14300 Nibong Tebal, S.P.S., Pulau Pinang
Tel No. : **04 – 5937168 , 013 – 530 7168** • Fax No. : **04 – 5937177**

Lesen : 12432-1/04-2016/01596(L) • Tempoh Sah : 11/04/2015 – 10/04/2016
Permit Iklan : 12432-1/04-2016/01596(P) • Tempoh Sah : 11/04/2015 – 10/04/2016
No. Kelulusan : MPSP/40/20-44/84 • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan Bangunan : Majlis Perbandaran Seberang Perai • Jenis Hakmilik : Hakmilik Kekal
Bebanan Tanah : Dicagarkan kepada Alliance Bank Malaysia Berhad • Jangka Siap : Jun 2016

# Peruntukan RM3 juta, MBPP bakal bangun 12 taman kejiranan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**AIR PUTIH –** Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Patahiyah Ismail baru-baru ini mengumumkan bahawa 12 lagi projek taman kejiranan bakal dibangunkan sepanjang tahun ini.

Antaranya, melibatkan kawasan tanah lapang di Sungai Ara berdekatan Bayan Lepas; Halaman Murni (Bayan Lepas); Tingkat Sungai Batu (Teluk Kumbar); Lengkok Free School (Datuk Keramat); Lebuh Sungai Pinang (Sungai Pinang); Lorong Tanjung Bunga (Tanjung Bunga); Lembah Permai (Tanjung Bunga), Lintang Pantai Jerejak 6 (Pantai Jerejak); Jalan Semarak Api (Farlim); Jalan Delima (Gelugor); Bukit Jambul dan Paya Terubong 3.

Menurutnya, sejumlah RM3 juta diperuntukkan bagi kerja-kerja menaiktaraf dan membangunkan semula tanah lapang terbiar di lokasi-lokasi berkaitan.

"Bagi tahun 2015, Majlis telah membelanjakan RM2.4 juta melibatkan pengindahan taman-taman kejiranan dan taman poket seluruh pulau.

"Tahun ini, MBPP merencanakan sebanyak 12 projek menaiktaraf taman kejiranan dengan peruntukan mencecah RM3 juta demi keselesaan dan kesejahteraan penduduk Pulau Pinang," ucapnya pada Majlis Perasmian Taman Kejiranan Air Putih atau lebih dikenali sebagai Taman Cantik di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih menyempurnakan majlis berkaitan.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim, Ahli-ahli Majlis bagi MBPP seperti Ong Ah Teong, Syerleena Abdul Rashid, Mohamed Yusoff Mohamed Noor, Joseph Ng Soon Siang dan Harvinder Singh.

Turut sama, Ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat.

Mengulas lanjut, Patahiyah memberitahu bahawa pihaknya akan terus mempergiatkan pengindahan taman-taman kejiranan sedia ada di samping memastikan aspirasi Kerajaan Negeri ke arah sebuah negeri yang bersih, hijau, sihat dan selamat tercapai.

"Kita (MBPP) akan berterusan melaksanakan pengindahan taman-taman kejiranan sedia ada ke arah membentuk warga Pulau Pinang yang harmoni.

"Hal ini kerana, saya melihat, taman-taman sedia ada menjadi wadah silaturahim di samping melakukan aktiviti riadah dan sukan untuk warga Pulau Pinang," ujar beliau.

Taman Cantik dilengkapi dengan kemudahan seperti trek joging, alat permainan berintegrasi kanak-kanak, dataran serbaguna, pentas, lampu taman berkuasa solar dan gelanggang sepak takraw.

Di samping mesra pengguna, taman yang menelan belanja RM99,320 itu turut mesra OKU (orang kurang upaya).


**DUA pengunjung *berwefie* di salah satu sudut landskap Taman Kejiranan Air Putih (Taman Cantik) yang dilancarkan di sini baru-baru ini.**

**2016:**
- **Peruntukan RM3 juta bangunkan semula tanah-tanah lapang terbiar sebagai taman kejiranan.**

**2015:**
- **Belanja RM2.4 juta untuk inisiatif pengindahan taman-taman kejiranan dan taman poket.**

avenue
Light Industrial Park



Industri Ringan 2 Tingkat Berkembar

Jumlah Unit : 8
Keluasan Tanah : 7,200 kps (min)
8,299 kps (maks)
Keluasan Binaan : 3,920 kps
Harga Jualan : Dari
RM 1,780,000.00 (min)
RM 2,280,000.00 (maks)



Industri Ringan 2 Tingkat Sesebuah

Jumlah Unit : 4
Keluasan Tanah : 10,936 kps (min)
12,766 kps (maks)
Keluasan Binaan : 3,500 kps (min)
5,600 kps (maks)
Harga Jualan : Dari
RM 2,600,000.00 (min)
RM 3,000,000.00 (maks)

5% DISKAUN UNTUK BUMIPUTERA
HAKMILIK KEKAL
TARIKH DIJANGKA SIAP : TAHUN 2016
H/P: 012-427 2892

Pelan Lokasi




長虹置地私人有限公司
tps Properties
TPS Properties Sdn. Bhd. (1061984-D)
No.6, Tingkat 1, Jalan Daya Maju, Pusat Perniagaan Daya Maju
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia
t: 04-537 3877 f: 04-537 3876
e: tpspropertiessdnbhd@gmail.com

# Islam diancam apabila negara tidak liberal

Oleh : **ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Ahli Parlimen Bukit Bendera merangkap Pengarah Eksekutif Penang Institute**

Serambi PENANG INSTITUTE making ideas work



ZAIRIL Khir Johari (dua dari kiri) bersama-sama Ahli-ahli Parlimen DAP lain menolak rang undang-undang Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) yang dibentangkan di Parlimen baru-baru ini.

**DASAR** kepada pemikiran liberalisme, sama ada dalam konteks politik, ekonomi atau sosial, adalah keberdayaan manusia, yakni keupayaan individu yang bertindak secara rasional untuk membuat pilihan yang dijangka dapat menjamin kepentingan terbaik mereka.

Walau bagaimanapun, kebebasan pilihan dan kesedaran nurani (*conscience*) sahaja tidak memadai jika tidak disertakan dengan ruang yang sewajarnya, baik ruang peribadi mahupun ruang awam, yang membenarkan seseorang itu membuat pilihan tanpa diskriminasi atau penganiayaan.

Sebaliknya, istilah *illiberalism,* yang ditakrif sebagai keadaan tidak liberal, merujuk kepada kekurangan kebebasan asasi tersebut. Oleh itu, tatanegara tidak liberal *(illiberal polity)* berlaku apabila kemajmukan ditolak dan perbezaan hanya membawa kepada penganiayaan sama ada oleh masyarakat atau kerajaan. Pada masa yang sama, kepatuhan bukan sahaja diwajibkan, malah dipaksakan. Dalam istilah Islam, ia adalah di mana ijtihad (penaakulan bebas) ditindas dan *taqlid* (kepatuhan membuta tuli) dituntut.

Dalam negara tidak liberal, kebebasan bersuara dan berekspresi disekat dan perbezaan pendapat ditindas. Secara lazimnya, rakyat sentiasa dikawal melalui ketakutan yang direka-reka, iaitu terhadap kewujudan ancaman daripada "pihak lain" *(the other)*. Negara tidak liberal juga mempamerkan kecenderungan autoritarian, di mana kedaulatan undang-undang bermaksud kedaulatan rejim pemerintah. Dalam keadaan ini, rasuah, politik naungan dan penyalahgunaan kuasa biasanya akan berkembang biak.

Sebagaimana dirumuskan oleh cendekiawan Amerika Kim R. Holmes, sifat negara tidak liberal "bukan sahaja mengenai tindakan kerajaan menafikan hak kebebasan bersuara dan kesamarataan rakyat di sisi undang-undang. Ia juga mengenai pengawalan ke atas fikiran dan tindakan rakyat."[1]

Menggunakan kriteria di atas, adalah amat sukar untuk menafikan bahawa Malaysia adalah sebuah negara tidak liberal. Walaupun sering dianggap sebagai sebuah negara Islam moderat, hakikatnya kerajaan Malaysia telah menjerut leher rakyatnya. Kadang-kadang dijerut ketat tetapi biasanya dibiar agak longgar agar tidak terlalu disedari, bagaimanapun, dua dekad yang lalu menyaksikan bagaimana jerutan ini semakin diketatkan.

Hakikatnya, menjadi seorang Muslim di Malaysia hari ini bermakna seseorang itu wajib mentaati mazhab dan jalur pandangan tertentu yang diluluskan oleh kerajaan. Jika tidak, maka mereka yang ingkar akan menghadapi risiko dilabel sesat. Kerajaan bukan setakat menggariskan apa yang dibenarkan untuk diimani, umat Islam di Malaysia malah dihalang daripada membaca sekian banyak senarai penerbitan, daripada Ultraman hinggalah kepada Charles Darwin, kerana menurut kebijaksanaan Jakim, tulisan-tulisan ini boleh mengancam akidah mereka.

Pun begitu, pengharaman dan penapisan secara sembereno ini tidak hanya dikenakan secara eksklusif kepada umat Islam sahaja, kerana orang bukan Muslim di Malaysia juga dilarang daripada menggunakan istilah-istilah yang telah diwartakan, seperti "Allah," "masjid" dan "ulama." Menghalang bukan Muslim menggunakan istilah-istilah ini sangat membingungkan apabila umat Islam sendiri tidak pula dihalang daripada menggunakan istilah bukan Arab dalam urusan agama seperti "syurga," "neraka," "pahala," "dosa," dan "sembahyang" yang berasal daripada bahasa Sanskrit.

Di Malaysia yang kononnya moderat ini, kita juga sering mendengar kes rampasan mayat di samping pencerobohan ruang peribadi oleh "polis moral." Percubaan pemerintah untuk mengenakan kawalan ke atas agama sudah menjadi begitu melampau dan dogmatik sehinggakan sanggup membelanjakan sumber yang besar untuk mendakwa – malah kemudian membuat rayuan selepas kalah di Mahkamah Tinggi – seorang wanita Muslim, Nik Raina Nik Abdul Aziz, hanya kerana beliau bekerja di sebuah kedai buku yang menjual penerbitan yang diharamkan. Yang peliknya, beliau tetap didakwa walaupun serbuan telah dilakukan sebelum buku tersebut diharamkan secara rasmi.

Nampaknya, jerutan telah diperketatkan dengan terlalu kuat sehingga aliran oksigen ke otak sudah terjejas. Sekurang-kurangnya, inilah kesimpulan yang dapat dirumuskan berdasarkan wacana popular mengenai Islam di negara kita pada hari ini. Yang dibicarakan langsung tiada persoalan falsafah yang hebat, sebaliknya, ceramah agama biasanya berkisar pada persoalan remeh – "apakah hukum menghantar SMS kepada teman lelaki saya?" umpamanya.

Tetapi mungkin lebih teruk lagi adalah peningkatan garis pemisah antara Muslim dan bukan Muslim di negara kita. Satu contoh yang jelas adalah pengumuman baru-baru ini oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan bahawa kerajaan bercadang untuk memperkenalkan "apartheid kedai runcit" melalui panduan pengasingan troli halal dan tidak halal. Apakah mungkin juga udara yang kita sedut akan diasingkan pada masa hadapan?

Adalah membahayakan juga apabila Islamisasi mula menyusup ke ranah orang bukan Muslim, seperti dalam kes Indira Gandhi, seorang ibu yang telah dipisahkan selama hampir tujuh tahun daripada anak perempuannya, berikutan penukaran agama bayi mereka kepada Islam oleh bekas suaminya. Walaupun keputusan Mahkamah Tinggi memberikan hak penjagaan penuh kepada ibu, pihak polis enggan bertindak atas alasan terdapat perintah Mahkamah Syariah yang memberikan hak penjagaan kepada bapa.

Apabila rakyat sesebuah negara dipisah dan didiskriminasi atas dasar pengenalan kaum atau agama mereka, negara bukan sahaja menjadi tidak liberal, tetapi boleh dikatakan tidak berfungsi.

Lebih mendukacitakan lagi, pengalaman Islam yang tidak liberal di Malaysia ini hanya memberi nama buruk kepada agama. Islam yang sepatutnya menjadi *rahmatul-lil-alameen* (rahmat untuk semua) dan ajaran yang membawa pembebasan dan kemajuan, semakin digambarkan sebagai doktrin perhambaan yang bersikap tidak bertoleransi. Bukankah ini bertentangan dengan matlamat dakwah, iaitu untuk menarik orang kepada Islam, dan bukannya menolak mereka?

Benar, umat Islam kini kian terancam. Walau bagaimanapun, musuh yang mengancamnya bukanlah Kristian, atau Yahudi, atau Barat, atau orientalisme, atau neo-imperialisme. Ancaman sebenar kepada Islam adalah kebangkitan sifat tidak liberal dalam masyarakat Muslim itu sendiri. Betapa pun senang untuk kita meletakkan kesalahan ke atas warisan penjajah dan komplot asing, realitinya, penguasaan dan pengawalan ke atas Islam oleh pemerintah tidak liberal yang sebenarnya mendatangkan mudarat yang paling besar kepada agama kita.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 399 6689 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soo Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>Dahalan Fazil | 019 - 727 4388 |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak | 013 - 580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad | 019 - 437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Fahmi Abu Bakar | 013 - 488 1601 |
| **SUNGAI DUA**<br>Rosli Hassan | 019 - 410 5990 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Mustafa Kamal Ahmad | 019 - 556 9552 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Azmi Samsudin | 012 - 594 1515 |
| **BAYAN LEPAS**<br>Azrul Mahathir Aziz | 017 - 594 1976 |
| **PULAU BETONG**<br>Mohd Tuah Ismail | 019 - 570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Halil Sabri Hamid | 017 - 460 4849 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637<br>04-263 7000 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | : 010 - 542 9158 | - Mohd. Zaki Ismail |
| N2 | Bertam | : 019 - 593 3736 | - Fatimah Bakar |
| N3 | Pinang Tunggal | : 017 - 424 9371 | - Tasrin Tugemin |
| N4 | Permatang Berangan | : 019 - 556 4664 | - R. M Reza |
| N5 | Sungai Dua | : 013 - 417 3068 | - Siti Zunnurain Zulkafli |
| N6 | Telok Air Tawar | : 016 - 463 3866 | - Malik Bakar |
| N7 | Sungai Puyu | : 012 - 480 5495 | - Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | : 013 - 449 0366 | - Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | : 016 - 473 1963 | - Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | : 04 - 390 5109 | - Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | : 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | - Kamal<br>- Rosli |
| N12 | Penanti | : 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | - Tira |
| N13 | Berapit | : 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | - Mr.Lim<br>- Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | : 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | - Andrew Chin<br>- Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | : 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | - Chan<br>- Lai |
| N16 | Perai | : 04 - 399 6689 | - Selvi |
| N17 | Bukit Tengah | : 013 - 518 8735 | - Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | : 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | - G.Dumany<br>- Khor |
| N19 | Jawi | : 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | - Abdul Halim<br>- Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | : 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | - Norjuliana<br>- Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | : 0111-508 0215 | - Siti Hajar Abdul Aziz |
| N22 | Tanjong Bungah | : 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | - Tina<br>- Hezreen |
| N23 | Air Putih | : 04 - 829 0614 | - Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | : 012 - 493 3342 | - Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | : 017 - 956 3237 | - Quah |
| N26 | Padang Kota | : 012 - 431 7015 | - Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | : 012 - 401 1522 | - Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | : 012 - 423 3227<br>010 - 811 7300 | - Benji Ang<br>- Razin |
| N29 | Datok Keramat | : 04 - 226 2464 | - Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | : 04 - 282 6630 | - Shuen |
| N31 | Batu Lancang | : 04 - 282 6419 | - Karuna |
| N32 | Seri Delima | : 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | : 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | - Anne<br>- Janet |
| N34 | Paya Terubong | : 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | - Toon Hoon Lee<br>- Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | : 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | - Jalal<br>- Khairul<br>- Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | : 04 - 646 4700 | - Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | : 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | - Amirulzaman<br>- Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | : 010 - 773 2395 | - Firdaus |
| N39 | Pulau Betong | : 016 - 407 2135 | - Zulkiflee Ahmad |
| N40 | Telok Bahang | : 017 - 413 5695 | - Johan Abu Bakar |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2016

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| H'ng Mooi Lye | 012 - 425 2602 |
| Kumar a/l Kanapathy | 04 - 323 8757<br>016 - 407 6058 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Satees A/l Muniandy | 016 - 438 4767 |
| Siti Nur Shazreen Mohd. Jilani | 019 - 411 8343 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tan Chong Hee | 019 - 411 5598 |
| Zulkifli Ibrahim | 012 - 477 5588 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Goh Choon Aik | 04-588 3045<br>019 457 3222 |
| Alias Wan Chek | 019 - 540 4553 |
| Ong Jing Cheng | 016 - 445 5709<br>012 - 758 3779 |
| Anuar Yusoff | 04 - 507 5390<br>016 - 4616 390 |
| Amar Pritpal Abdullah | 04 - 582 2020<br>019 - 452 2020 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |
| Muhamad Suzuki Ahmad | 012 - 465 4419 |
| Dr. Tiun Ling Ta | 04 - 508 0039 (Tel)<br>04 - 657 0918 (Fax) |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Ahmad Tarmizi Abdullah | 013 - 414 4822 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Chiam Heng Hak | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 04 - 650 5556 |
| 2. | Abdul Rahim Mohamed Nor | Barat Daya | Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau. | 016 - 482 3549 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas. | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorty | Seberang Perai Tengah | - | 019 - 457 2271 |
| 5. | R. Gunalan | Seberang Perai Selatan | Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi. | 011 - 2666 6901 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2016

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Goh Choon Keong | 019 - 471 7931 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Teoh Koon Gee | 016 - 419 1938 |
| Harvindar a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Joseph Ng Soon Siang | 012 - 423 9143 |
| Kala a/p Durai Raj | 016 - 468 4247 |
| Lee Chun Kit | 012 - 519 2152 |
| Ong Ah Teong | 012- 410 6566 |
| Syerleena Abdul Rashid | 019- 225 6502 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik | 019 - 470 8811 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Kumaresan a/l Aramugam | 014 - 945 9621 |
| Felix Ooi Keat Hin | 016 - 417 1331 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 012 - 498 4556 |
| Shahul Hameed M.K. Mohamed Ishack | 017 - 473 0194 |
| Ahmad Razaaim bin Azimi | 012 - 572 4711<br>016 - 451 9225 |
| Mhd. Nasir Yahya | 012 - 402 6739 |
| Saiful Azwan Abd Malik | 016 - 463 2787 |
| Dr. Lim Mah Hui | 012 - 422 1880 |
| Eric Lim Seng Keat | 016 - 414 3428 |
| Gan Ay Ling | 012 - 401 2265 |
| Mohamed Yusoff Mohamed Noor | 012 - 472 8114 |




**SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA**

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI, ZAINULFAQAR YAACOB,
NORSHAHIDA YUSOFF, WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
CHAN LILIAN, LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN, AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA DAUD

**Jurugrafik:** IDZHAM AHMAD, LOO MEI FERN

sertai kami melalui "*sms blast*",
taip "***ADD ME***" 010 333 1758

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.
Emel: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Talian Pejabat
04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256

*(Sambungan dari muka surat 6)*

## Soalan-soalan lazim (FAQ)

# Projek 'Taman di Atas Laut' *Gurney Wharf*

**1. Mengapa dipanggil Gurney Wharf? Adakah terdapatnya dermaga di kawasan tersebut?**

• Nama ini mendapat ilham daripada kemeriahan kawasan pantai yang terkenal di dunia seperti yang terdapat di San Francisco, London dan Sydney.

• Hasrat kami adalah supaya Gurney Wharf muncul sebagai destinasi ikonik dengan ciri-ciri Pulau Pinang yang tersendiri.

**2. Siapakah yang memiliki tanah tebus guna di kawasan pantai Persiaran Gurney/Gurney Wharf?**

• Sebaik sahaja penebusan tanah disiapkan, kawasan tanah tersebut akan menjadi milik Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

**3. Kesesakan lalu lintas merupakan masalah besar apabila kerja-kerja penambahbaikan dilakukan di sebahagian Persiaran Gurney. Adakah keadaannya akan bertambah teruk apabila kerja-kerja dimulakan?**

• Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengumumkaan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang untuk menangani isu-isu lalu lintas demi keperluan masa depan rakyat Pulau Pinang. Semua kerja penambakan dan pengorekan akan dijalankan dari kawasan laut.

• E&O juga mempunyai rekod pematuhan yang sepenuhnya dan syarikat tersebut akan terus mematuhi dan bekerja rapat dengan semua pihak berkuasa berkaitan seperti MBPP untuk menangani sebarang isu yang mungkin timbul.

**4. Apakah butiran mengenai Lebuhraya Gurney?**

• Lebuhraya Gurney merupakan sebahagian daripada Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang yang akan dijalankan untuk menangani isu-isu lalu lintas kita.

**5. Berapakah kos penambakan Persiaran Gurney? Siapakah yang akan membiayainya?**

• Kos pakej penambakan untuk Fasa 2A Seri Tanjung Pinang Fasa 2 dan 131 ekar di sepanjang persisiran pantai Persiaran Gurney dianggarkan berjumlah RM1.07 bilion. Jumlah ini tidak termasuk kos sampingan lain untuk infrastruktur, perunding /pakar dan lain-lain.

• Keseluruhan kos penambakan akan ditanggung sepenuhnya oleh E&O, manakala kos "Taman di Atas Laut" Gurney Wharf akan ditanggung oleh kerajaan negeri selepas penilaian terperinci kos sewajarnya dijalankan dan perbincangan antara kedua-dua pihak diadakan.

**6. Berapakah kos pembangunan Gurney Wharf? Siapakah yang akan membiayainya?**

• Sidang akhbar hari ini adalah untuk membentang dan mendapatkan maklum balas mengenai cadangan konsep pelan induk Gurney Wharf. Sebarang maklum balas juga boleh dikemukakan melalui kotak maklum balas yang disediakan di kawasan pameran.

• Selepas usaha mendapat maklum balas dilakukan, kami akan menentukan unsur-unsur praktikal dalam projek tersebut, termasuk bagaimana Gurney Wharf akan dibiayai.

**7. Adakah E&O akan membangunkan Gurney Wharf? Seandainya ya, apakah yang E&O akan dapat sebagai balasan?**

• Sebagai sebuah entiti korporat yang bertanggungjawab, E&O telah menanggung kos pengupahan arkitek yang terbaik di dunia untuk menghasilkan pelan induk konsep Gurney Wharf dengan menghulurkan dana tersebut terlebih dahulu sebagai sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) mereka.

• Sementelahan itu, sidang akhbar hari ini adalah untuk membentang dan mendapatkan maklum balas mengenai cadangan konsep pelan induk Gurney Wharf. Sebarang maklum balas juga boleh dikemukakan melalui kotak maklum balas yang disediakan di kawasan pameran.

• Selepas usaha memperoleh maklum balas dilaksanakan, kami akan menentukan unsur-unsur praktikal dalam projek tersebut, termasuk mengenalpasti pemajunya.

**8. Bilakah kerja penambakan di Gurney Wharf akan disiapkan?**

• Kerja-kerja penambakan untuk mewujudkan tanah Gurney Wharf dijangka akan mengambil masa 18 bulan dan berdasarkan ini, akan diselesaikan pada suku terakhir tahun 2017.

• Tempoh masa tersebut termasuk:

■ 8-10 bulan yang diperlukan untuk penebusgunaan tanah; ditambah dengan

■ 6-8 bulan yang diperlukan untuk proses rawatan tanah dan mendakan tanah.

**9. Berapa lamakah orang ramai perlu tunggu sebelum mereka boleh menikmati Gurney Wharf? Bilakah taman dan kawasan makanan dan minuman (F&B) pinggir laut Gurney Wharf akan disiapkan?**

• Gurney Wharf akan diserahkan secara berperingkat. Dalam fasa pertama, adalah dijangkakan bahawa kawasan taman, tanpa bahagian F&B pinggir laut, akan disiapkan pada separuh kedua tahun 2018.

Fasa kedua yang merangkumi bahagian F&B pinggir laut berkemungkinan akan disiapkan pada tahun 2020.

Sesemangnya, jangka masa sebenar projek Gurney Wharf akan bergantung pada pelbagai faktor termasuklah penentuan aspek-aspek kewangan serta kelulusan perancangan dan pembinaan.

**10. Apakah yang akan berlaku kepada Persiaran Gurney yang sedia ada?**

• Dari bulatan Persiaran Gurney ke Jalan Pangkor yang berukuran panjang lebih kurang 2km, Persiaran Gurney akan kekal terbuka dan boleh diakses oleh kenderaan dan






pejalan kaki. Walau bagaimanapun, terdapat juga perancangan untuk mencantikkan kawasan Persiaran Gurney yang sedia ada serta untuk mewujudkan kebolehtembusan (*permeability*) ke taman dan pinggir laut awam Gurney Wharf baru yang dicadangkan.

- E&O akan memasang pagar anti-panjat yang akan dipasangkan dengan selamat di seberang dinding laut untuk membenarkan akses awam yang berterusan. Pemasangan pagar akan dibina dengan bahan mesh untuk membenarkan angin bertiup masuk. Kotak penanam tumbuhan juga akan dipasang untuk membolehkan tanaman tumbuhan menjalar.



**11. Apakah jarak persiaran pinggir laut awam**?

- Lebih kurang 1.5km.

**12. Apakah jaraknya dari Persiaran Gurney yang sedia ada ke Gurney Wharf?**

**13. Apakah jaraknya dari lintasan bawah (dari Jalan Pemenang) ke persiaran pinggir laut awam yang baru?**

| Dari | Ke | Jarak |
|---|---|---|
| Laluan Bawah Jalan Pemenang | Pintu Masuk ke Taman | 100m |
| | Persiaran Pinggir Laut Baru | 230m |
| Laluan Bawah | Pintu Masuk ke Taman Lorong Burma | 100m |
| | Persiaran Pinggir Laut Baru | 140m |

**(*) Untuk Soalan 12 & 13:**

- **Akses dari Persiaran Gurney yang sedia ada ke Gurney Wharf**

**14. Apakah yang akan dilihat dalam dua tahun akan datang sebelum kerja tebusguna tanah disiapkan?**

- Dengan segeranya, kerja-kerja pemasangan tirai kelodak dan boya navigasi akan dipasangkan di kawasan pengairan Persiaran Gurney sebelum kapal korek digerakkan.
- Dalam hal demikian, pihak E&O juga bersikap prihatin terhadap nelayan-nelayan di kawasan tersebut dan telah melancarkan sistem SMS amaran yang proaktif untuk nelayan-nelayan supaya mereka menjauhi kawasan tersebut di samping mendapat kerjasama mereka dari segi pemantauan kerja.
- Orang awam juga akan melihat pagar mesh dipasangkan di sepanjang Persiaran Gurney sebagai langkah keselamatan.

**15. Bilakah kerja pemasangan pagar mesh akan bermula?**

- Dijangka pada 29 Februari 2016.

**16. Dari manakah pemasangan pagar mesh di Persiaran Gurney akan bermula dan berakhir?**

- Dari bulatan Persiaran Gurney menghala ke hujung selatan Persiaran Gurney di Jalan Pangkor.

**17. Berapa lamakah yang diperlukan untuk pemasangan pagar?**

- Dijangka selama 12 minggu.

**18. Apakah jumlah kos pemasangan pagar?**

- Kos pemasangan pagar mesh adalah 40 peratus lebih daripada kepingan dinding logam yang lazim digunakan dalam perusahaan hartanah dan pembangunan. Kos pagar mesh dijangka berjumlah lebih kurang RM1.3 juta.

**19. Berapa lamakah pagar tersebut akan berada di sana?**

- Untuk keselamatan orang awam, pagar tersebut dijangka akan berada di sana sehingga projek Gurney Wharf disiapkan.

**20. Apabila pagar dipasangkan, adakah ini bermakna orang ramai akan kehilangan akses ke kawasan Persiaran Gurney, iaitu mereka terpaksa memberhentikan aktiviti rekreasi dan kehilangan pandangan laut yang indah?**

- Berdasarkan reka bentuk pagar ini, orang awam masih dapat berjalan di sepanjang Persiaran Gurney, menikmati pemandangan dan angin yang ditiup menerusi pagar mesh berkenaan.
- E&O telah berusaha sedaya yang boleh agar pokok casuarina di Hotel Lone Pine dipelihara dan dikekalkan sama dengan keprihatinan yang diberikan ketika menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian utama dan pengembangan hotel pada tahun 2010.

**21. Apakah yang akan terjadi sekiranya tsunami melanda Pulau Pinang, terutamanya tapak projek ini?**

- Langkah-langkah mitigasi untuk menangani kemungkinan impak tsunami telah diambilkira didalam reka bentuk tahap platform projek penambakan.
- Untuk memberikan perspektif berkenaan ini, Persiaran Gurney yang sedia ada terletak pada tahap +3.2 meter CD (datum carta) manakala kawasan yang akan ditambak akan berada pada tahap platform +5, +5.5 dan +6. Tahap platform tanah yang ditebusguna juga melebihi ketinggian ombak Tsunami tahun 2004 yang melanda kawasan pantai pada tahap +4.2 (berdasarkan data yang dikumpulkan dari tapak projek di mana tsunami berlaku).

# ASINGKAN SAMPAH ANDA



HOTLINE:
MBPP : 04-263 7637
MPSP : 04-549 7555
Penang Green Council : 04-250 3322

## PENGENALAN




Pengasingan sisa di punca akan dilaksanakan di seluruh Negeri Pulau Pinang bermula **1 Jun 2016**. Semua premis diwajibkan untuk mengasingkan sisa sekurang-kurangnya kepada dua aliran iaitu sisa kitar semula kering dan sisa baki.

- MENGURANGKAN jumlah sisa yang dihantar ke tapak pelupusan
- MENINGKATKAN jangka hayat tapak pelupusan
- MENINGKATKAN kadar kitar semula
- MENGURANGKAN penggunaan sumber

## JENIS SISA

### SISA KITAR SEMULA



CONTOH: surat khabar / kotak / majalah / kadbod / buku — **KERTAS**



CONTOH: Botol plastik/ bekas plastik/ beg plastik/bekas makanan plastik/ baldi plastik — **PLASTIK**



CONTOH: Botol kicap / botol minuman / pasu seramik / pinggan — **KACA/SERAMIK**



CONTOH: Tin aluminium / tin makanan / besi / logam — **TIN ALUMINIUM/ BESI/LOGAM**

### SISA BAKI



CONTOH: Kulit buah-buahan / sayur- sayuran / kulit telur /nasi — **SISA MAKANAN**



CONTOH: Lampin pakai buang / tisu kotor / bahan-bahan kotor / kotak / kertas tercemar — **SISA KOTOR**

## TAHUKAH ANDA?

**SILA IKAT SURAT KHABAR LAMA** dengan kemas sebelum dibuang ke dalam tong kitar semula.

**BERSIH DAN KERINGKAN** bekas minuman, bekas plastik, bekas kaca, atau tin aluminium yang mengandungi sisa sebelum dibuang ke dalam tong kitar semula

Anda juga boleh menghantar barangan elektrik yang telah rosak ke pusat kitar semula yang **MENGUMPUL SISA ELEKTRONIK**.

Pembungkus makanan atau minuman yang mengandungi **LOGO ♻ dapat dikitar semula.**

**SETIAP HARI**

Setiap penduduk di Pulau Pinang membuang lebih kurang **1.1 kg sampah.**

**1700 - 1800 tan sampah** dibuang ke Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung

## KADAR KITAR SEMULA

| Negara | Malaysia (Sasaran 2020) | Pulau Pinang | Switzerland | German |
|---|---|---|---|---|
| Kadar Kitar Semula | 22% | 32% | 52% | 87% |




Kami telah menjalankan satu kajian soal selidik mengenai tanggapan penduduk di Pulau Pinang terhadap pengasingan sisa di punca dan amalan 3R dari 29 Julai 2015 sehingga 29 september 2015. Sejumlah 1,484 orang responden telah memberi maklum balas terhadap kajian tersebut.

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453
Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 9993
Peminjam : MOHD FAZLI ZAHIRWAN BIN RAMLI - 81091207**** D-3A-08 KONDOMINIUM SENTUL UTAMA, JALAN DATO SENU 26, TAMAN DATO SENU 51000 KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : RAMLI BIN CHE DIN - 50031407**** 6 PINTAS SEMBILANG 14, SEBERANG JAYA, 13700 PERAI
Penjamin 2 : HAMEEZAH BINTI MOHD - 69113007**** 9 LORONG TELOK AIR TAWAR 5, TAMAN AIR TAWAR INDAH 13050 BUTTERWORTH

No Akaun : 9997
Peminjam : LEE SIM HOE - 85042407**** 29 LEBUH RAMBAI 13, 11060 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 1 : LEE PECK YONG - 61020407**** 37 JALAN PERMAI, TAMAN BROWN, 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHAN CHENG SAN - 57090607**** 599 JALAN PINANG, TAMAN MANGGA 14100 SIMPANG AMPAT, SPS

No Akaun : 9998
Peminjam : YOONG FOOK SEONG - 80102008**** A-8-29 BLOK A, INTAN APARTMENT, JALAN INTAN 4, TAMAN PUCHONG INTAN 47150 PUCHONG, SELANGOR
Penjamin 1 : YOONG KAW - 51110208**** NO. 73 JALAN SRI PINANG 2, TAMAN SRI PINANG 34000 TAIPING, PERAK
Penjamin 2 : AW KWEE MING - 67122408**** 2-18 JALAN DEDAP 4, TAMAN DEDAP 13400 BUTTERWORTH

No Akaun : 10001
Peminjam : SYED HUSSINIEN HIELMIE SHAH BIN SAID AMIN SHAH - 84012707**** C-1-1 APARTMENT SRI IXORA, TAMAN SEPAKAT INDAH 2, 43000 KAJANG, SELANGOR
Penjamin 1 : SAID AMIN SHAH BIN ABD GHAFFAR SHAH - 53081008**** NO. 2 JALAN CENDANA, TAMAN SETIA JAYA, PARIT BUNTAR 34200 PERAK
Penjamin 2 : ABDUL RAHMAN BIN HAMZAH ALBAKRI - 57090708**** NO. 85 LORONG 5 , TAMAN DESA TRONG UTAMA 34800 TRONG, PERAK

No Akaun : 10009
Peminjam : SHAFAWATI BINTI ABDUL MALIK - 86041235**** 17-20-23A HILIR SUNGAI PINANG, JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ABDUL MALIK B. ARIFFIN – (MENINGGAL DUNIA) 17-20-3A HILIR SUNGAI PINANG, 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ABDUL NASIR BIN YAHAYA - 61072207**** 140-D JALAN MD TAIB, JELUTONG TIMUR, 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 10017
Peminjam : NG GIM WEI - 82111807**** BLOK J-16-4 TAMAN BUKIT JAMBUL 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1 : NG GIM SONG - 74102107**** 2-9-4 TAMAN SERI ACRES, LEBUH SUNGAI ARA 1, SUNGAI ARA 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHAY MEI LING - A2642*** 2-9-4 TAMAN SERI ACRES , LEBUH SUNGAI ARA 1, SUNGAI ARA 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 10018
Peminjam : MOHD HEZREN HAZZAROL BIN ELIAS - 86052129**** NO.104-B JALAN KOTA GIAM, JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ELIAS BIN HAKIM - 60102007**** 104-B JALAN KOTA GIAM , JELUTONG, 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ROSLAN BIN AHMAD - A1978*** 2561-G , KUARTERS PERIKANAN BATU MAUNG 11960 PULAU PINANG

No Akaun : 10029
Peminjam : SYAMSIAH BINTI IBRAHIM - 85041107**** NO.128-D LEMBAH RIA, AYER ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 1 : SHAMSUHAIMI BIN IBRAHIM - 74101107**** NO.128-D LEMBAH RIA, 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : SHAMSURI BIN IBRAHIM - 69111107**** 2B-7-20 SOLOK TENGKU, MUTIARA IDAMAN, JELUTONG 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 10031
Peminjam : WAN KOK KENG - 83092607**** NO. 4216 JALAN NEW FERRY 12100 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : CHEN CHIAN FOO - 54071509**** 10 LEBUH TENGGIRI DUA, SEBERANG JAYA, 13700 PERAI
Penjamin 2 : CHANG CHEE MEU - 53040602**** NO. 4216 NEW FERRY, 12100 BUTTERWORTH

No Akaun : 10041
Peminjam : NOR HAFIY ADLY BIN NORZILAN - 86092035**** F-15-23 RIFLE RANGE FLATS, AYER ITAM 11400 PULAU PINANG
Penjamin 1 : NORZILAN BIN NORDIN - 60013008**** F15-23 RIFLE RANGE FLATS, 11400 PULAU PINANG
Penjamin 2 : RAZALI BIN NORDIN - 48121207**** 107 SUNGAI BATU TKVA, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG

No Akaun : 10043
Peminjam : KHAIRUL ANUAR BIN ABDUL HAMID - 85031407**** NO. 991 KAMPUNG LEMBAH 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : ABDUL HAMID BIN SAAD - N401*** H11 FASA 1D1, SRI MANJUNG, 32040 MANJUNG, PERAK
Penjamin 2 : JUHARI BIN HAJI AHMAD - 64072307**** NO. 30 LORONG KUALA BEKAH 2, TAMAN KUALA BEKAH 13100 PENAGA, SPU

No Akaun : 10048
Peminjam : MOHD ADRIZAN BIN ALI - 85070705**** NO. 35/09 JALAN SINARAN 12, TAMAN SINARAN, KEMPAS 81200 JOHOR BAHRU, JOHOR
Penjamin 1 : ALI BIN HAMZAH - 57071709**** 562-B JALAN SULTAN AZLAN SHAH 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : RUSSENANI BINTI RASID - 73042502**** BATU 18 PADANG ASAM, 33700 PADANG RENGAS, PERAK

No Akaun : 10052
Peminjam : H NG HAN SENG - 84031107**** 7-Q JALAN TUNGGAL, AYER ITAM 11400 PULAU PINANG
Penjamin 1 : H NG KOK LIANG - 69070907**** 11A LORONG MEKAR 2, TAMAN MEKAR, 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : HONG LAY TENG - 76042807**** 12 BOUNDARY ROAD, 11400 AYER ITAM, PULAU PINANG

No Akaun : 10057
Peminjam : H NG HUI CHEE - 86021735**** 32-23A-09 , LORONG KAKI BUKIT 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1 : H NG YUEN GUAN - 58080907**** 6-9 BLOK 5 LEBUH BUKIT KECIL 6, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : FONG LEE CHU - A0848*** A-2-3 SOLOK KAMPUNG RELAU SATU, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 10060
Peminjam : LIM SHU TIING - 84070607**** NO.1292 KAMPUNG WELLESLEY 14200 SUNGAI BAKAP, SPU
Penjamin 1 : LIM QUEE LI - 56032507**** NO.1 PINTAS TERUBUK SATU, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 2 : TAN KOOI SENG - A0203*** 1168 KAMPUNG WELLESLEY 14200 SUNGAI BAKAP, SEBERANG PERAI SELATAN

No Akaun : 10065
Peminjam : NUR ASYIKIN BINTI MOHD TAHIR - 85090607**** NO.72 JALAN MELAKA BARU 2/3, TAMAN MELAKA BARU 75350 BATU BERENDAM, MELAKA
Penjamin 1 : MOHD TAHIR BIN MOHD AKIB - 54082980**** 3 KAMPUNG WADILHANA 05150 MERGONG, KEDAH
Penjamin 2 : HASNI @ HASMAH BT CHE ISMAIL - 56011907**** A36 TAMAN SRI BELIMBING, JALAN TANJONG BENDAHARA 05300 ALOR SETAR, KEDAH

No Akaun : 10073
Peminjam : MEEZANA BINTI MEERA MYDEEN - 81101207**** BLOK 10-3-11 LINTANG KAMPUNG RAWA 1, HALAMAN DAMAI 10150 PULAU PINANG
Penjamin 1 : AL-RIFAE BIN MOHAMED ISHAK - 70111771**** BLOK 88-5-12A SRI WONDER, LINTANG SUNGAI PINANG 10150 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MUHAMMED MUBARAK ALI BIN PAKIR ROWTHER – (MENINGGAL DUNIA) BLK A-1-18-04 MUTIARA IDAMAN SATU, JALAN TENGKU, JELUTONG 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 10074
Peminjam : ZULFA BINTI A M M SARIFFDIN - 82080307**** 9-5-8 LINTANG MACALLUM 2, 10300 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ROSHAN KHAN BIN A M M SARIFFDIN - A0253*** 9-5-9 LINTANG MACALLUM 2, 10300 PULAU PINANG
Penjamin 2 : BASHIR AHAMED BIN A M M SARIFFDIN - A2254*** 9-5-9 LINTANG MACALLUM 2, 10300 PULAU PINANG

No Akaun : 10078
Peminjam : BONG LIH WEN - 84082507**** NO. 1179 JALAN 4, KAMPUNG BERAPIT 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : BONG AH BA @ BONG TEE SOOI - 45070107**** 1179 JALAN 4, KAMPUNG BERAPIT 14000 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH
Penjamin 2 : BONG KUAN YAW - 82011707**** 1179 JALAN 4, KAMPUNG BERAPIT 14000 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH

No Akaun : 10085
Peminjam : NG CHIN YIK - 85032307**** NO. 47 JALAN SEJAHTERA 4, TAMAN SEJAHTERA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : NG HUEY WUEN - 83073007**** 47 JALAN SEJAHTERA 4, TAMAN SEJAHTERA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : ONG CHEE WEI - 81052401**** NO. 109 JALAN PERMATA, TAMAN MESRA, ULU TIRAM 81800 JOHOR

No Akaun : 10088
Peminjam : SITI NAZMIN BINTI AMIR ALI - 84011507**** 2A-03-12B MUTIARA HEIGHT, LINTANG HAJJAH REHMAH 11600 JELUTONG
Penjamin 1 : FIRUZ KHAN BIN AMIR ALI - 73101607**** 2B-06-16 MUTIARA HEIGHTS, LINTANG HAJJAH REHMAH 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : SITI FATIMAH BT MOHAMED ALI - 7480*** 1B-15-05 MUTIARA IDAMAN, SOLOK TENGKU, JELUTONG 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 10091
Peminjam : LEE WEI CHIEN - 84011807**** NO. 11 JALAN NURI 9 , SETIA PEARL ISLAND 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : CH NG KHENG HOCK - 59121207**** 5 CANGKAT BUKIT GAMBIR, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHAN AH KOW - 45062907**** NO. 20 LORONG MACALISTER, 10400 PULAU PINANG

No Akaun : 10092
Peminjam : GANESHWARAN A/L DORAISAMY - 77031307**** NO.141 JALAN KIKIK, TAMAN INDERAWASIH, 13600 PERAI
Penjamin 1 : PREMILESWARI A/P DORAISAMY - 73052107**** 37 LORONG PERIA, TAMAN RADZI, KLANG 13600 PERAI
Penjamin 2 : PASUPATHY A/L SINNIAH ALLAGAPPAN – (MENINGGAL DUNIA) 2-79 JALAN UDANG KERTAS, TAMAN SRI SEGAMBUT 52000 KUALA LUMPUR

No Akaun : 10100
Peminjam : SYED MOHD ANIS AZRAIE BIN SYED SHAARI - 83122308**** 35 JALAN LAHAT 10450 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : SYED SHAARI BIN SYED ABDULLAH - 57071108**** 4352 LORONG SERAMPAN 3, TAMAN RIA JAYA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH
Penjamin 2 : WAN MOHD ASYID BIN MAT - 75010908**** NO.127 JALAN CENDANA, TAMAN CENDANA, KULIM 09000 KEDAH

No Akaun : 10104
Peminjam : JONATHAN LOH YEAN HUAI - 83070507**** 16-17-05 SERINA BAY, HILIR SUNGAI PINANG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : JULIA LEE - 58070407**** 16-17-05 SERINA BAY, HILIR SUNGAI PINANG, 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : LOH KOEY CHUA - 63040607**** 9B-08-06 TAMAN KHENG TIAN, JALAN VAN PRAAGH 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 10106
Peminjam : LIM CHUON HONG - 84061207**** NO.2995 JALAN MAJU, TAMAN SERI MAJU 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : KHOR LEE LI - 58102007**** 2995 JALAN MAJU , TAMAN SERI MAJU 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : LIM CHUON PENG - 80100407**** 42 LORONG TENANG 9, TAMAN SRI TENANG 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10112
Peminjam : MAZLAN BIN NOORDIN - 79010907**** 28-7-15 TAMAN SRI PINANG, JALAN SUNGAI 10150 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ZAHARAH BINTI OTHMAN - 49111707**** 9-9-4, LINTANG KAMPUNG RAWA 1, HALAMAN DAMAI 10150 PULAU PINANG
Penjamin 2 : JAMALUDIN BIN OTHMAN - 6097*** NO. 279-A JALAN PERAK, 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG

No Akaun : 10119
Peminjam : TEH HOOI PEI - 84012807**** 25 LORONG SRI KIJANG 19, TAMAN SRI KIJANG 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : TEH KHENG SIONG - 72062607**** 46 JALAN BERAPIT INDAH 2, TAMAN BERAPIT INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : LIM ENG BUN - 75110308**** 4 LORONG SRI KIJANG 23, TAMAN SRI KIJANG 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10125
Peminjam : NUR FARIDZA BINTI HABIB RAHMAN - 84101607**** BLOK A7-02-16 JALAN TUNA 13700 SEBERANG JAYA
Penjamin 1 : HABIB RAHMAN BIN MOHD SHARIFF - 50062907**** 49 LORONG NANGKA 10, TAMAN DESA DAMAI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : ZEENAT BT HABIB RAHMAN - 79042007**** LOT 45 PERUMAHAN TANAH LOT, JALAN GUAR PERAHU 2, TAMAN GUAR PERAHU 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10134
Peminjam : SITI ASZIANA BINTI ZAINUL ABIDIN - 86030135**** 254 MUKIM C, PERMATANG PASIR, BALIK PULAU 11010 PULAU PINANG
Penjamin 1 : SITI HAJAR BINTI ZAINUL ABIDIN - 74092807**** NO. 2 LORONG SERI GENTING 10, TAMAN PONDOK UPEH, BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG
Penjamin 2 : AZALI BIN ZAINUL ABIDIN - 82022207**** NO.254 MK C, PERMATANG PASIR 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG

No Akaun : 10140
Peminjam : MOHD HAZLAMI BIN ZULKIPLI - 86123135**** NO.1251 MK 9, KAMPUNG PAYA, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ZULKIFLI BIN MAT - 63032907**** 1251 MUKIM 9, KAMPUNG PAYA, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MUREZA SHAMIN BT MUHAMMAD - 73091307**** 33-4-28 TAMAN PEKAKA , JALAN PEKAKA SATU, GELUGOR 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 10145
Peminjam : NUR HAFIZ BIN NOOR AIN - 85071607**** NO.3566 MUKIM 4, JALAN KUBANG SEMANG 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : NOOR AIN BIN OTHMAN - 58062908**** 3566 MK 4, JALAN KUBANG SEMANG, 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 2 : MOHD NOOR BIN OTHMAN - 61072707**** TBP 4892 KAMPUNG SELAMAT, 13300 TASEK GELUGOR, SPU

No Akaun : 10146
Peminjam : MOHD ISKANDAR BIN HAUZAR - 86063035**** BLOK B-G-10 TAMAN HJ MOHD AMIN, KAMPUNG PERTAMA 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : NORAINI BT MOHAMED @ WAN TEH - 66031307**** UNIT 1 MUKIM 11, DESA AMAN, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHD IRWAN BIN HAUZAR - 77050907**** BLOK B-G-10 TAMAN HJ MOHD AMIN 13500 PERMATANG PAUH

No Akaun : 10150
Peminjam : ONG CHENG THIN - 64122807**** 31 JALAN KEBUN NENAS 4R/KS8, BANDAR PUTERA 2, 41200 KLANG, SELANGOR
Penjamin 1 : CHUAH LAY HOON - 65061907**** 31 JALAN KEBUN NENAS 4R/KS8, BANDAR PUTERA 2, 41200 KLANG, SELANGOR
Penjamin 2 : KOAY SIEW BEE - 68072007**** NO.19 TINGKAT BAKAU, 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG

No Akaun : 10151
Peminjam : MAIZATUL NURUL BARIAH BINTI AHMAD - 85070107**** 3-1-4 DESA SELATAN, JALAN JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : AMIR HAZRIL SANY BIN AHMAD - 79031507**** 274 LORONG ANGSANA 1, TAMAN ANGSANA 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : AMIR SHAHRIL RIZAL BIN AHMAD - 81022707**** 3-1-4 DESA JELUTONG, JALAN JELUTONG 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 10154
Peminjam : NAZIRAH BINTI YAHAYA - 86081308**** NO.1383 LORONG CEMPA, JALAN TELAGA AIR 12200 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : ZULKIFLI BIN YAHAYA - 79031408**** 3922 KAMPUNG AMAN 13100 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : MOHD SHAHRIZAL BIN YUSUF - 82050307**** 54 PERMATANG BENDAHARI 13100 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA

# Festival Belon Udara Panas, trafik terkawal

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN** – Dakwaan sebuah ambulans terperangkap dalam kesesakan trafik kononnya disebabkan kenderaan pengunjung Festival Belon Udara Panas 2016 yang diletakkan secara 'haram' berdekatan Jalan Utama di sini baru-baru ini adalah tidak berasas.

Demikian respons Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng semasa mengulas laporan berita, '*Fuming over jams caused by hot air balloon fest'* yang disiarkan dalam akhbar perdana berbahasa Inggeris pada 11 Februari lalu.

"Kita (Kerajaan Negeri) harap ia tidak cuba diganggu oleh tuduhan-tuduhan tidak berasas kerana kami (Kerajaan Negeri) tidak menerima apa-apa aduan seperti didakwa," jelasnya pada sidang media di sini.

Wakil penganjur, Izzati Khairudin daripada syarikat AKA Balloon Sdn. Bhd. turut menjelaskan bahawa festival tersebut menerima kunjungan luar biasa, tetapi keadaan trafik masih terkawal.



PEMANDANGAN belon-belon udara panas yang berjaya 'dinaikkan' bersempena penganjuran Festival Belon Udara Panas 2016.



PARA pengunjung tidak melepaskan peluang merakam gambar kenangan dengan belon udara panas mini yang dipamerkan di Padang Kota Lama.

Difahamkan, pertunjukan 15 belon udara panas pelbagai bentuk diiringi percikan bunga api selama kira-kira tiga minit berjaya menarik ribuan pengunjung pada majlis pelancaran festival tahunan tersebut.

Pengarah Penguatkuasaan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ferose Md. Noor pada sidang media yang sama menafikan laporan berkaitan.

Menurutnya, sepanjang tempoh dua hari berlangsungnya festival tersebut, sebanyak 30 kenderaan dan 40 motosikal ditunda pada hari pertama, manakala pada hari kedua, kenderaan (32) dan 15 motosikal (15).

"Ini sedikit banyak telahpun melancarkan aliran trafik," kata beliau.

Pegawai Penguatkuasa Trafik Daerah Timur Laut, Inspektor Mohd. Izarrie Shafie turut menafikan sekerasnya laporan tersebut.

Turut memberi penjelasan, Pengarah Khidmat Pengurusan MBPP, Akbar Mustapha.

Terdahulu, laporan atas talian media terbabit pada 11 Februari lalu antara lain melaporkan ambulans terperangkap dalam kesesakan trafik disebabkan kenderaan-kenderaan pengunjung diletakkan secara haram di sepanjang jalan menuju ke Padang Polo.


## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 10165 |
| Peminjam | : | NOOR SURIANA BINTI MOHD KHALDI - 86093035**** NO. 12 JALAN BUNGA PANDAN, KAMPUNG PASIR GAJAH, PARIT 32800 PERAK |
| Penjamin 1 | : | SUHAIMI BIN AHMAD - 57072202**** 38 LORONG KERANJI 03, TAMAN KERANJI, KULIM 09000 KEDAH |
| Penjamin 2 | : | AISHAH BINTI CHE DOO - 75051102**** 877 PERSIARAN UTAMA 2/5, KULIM UTAMA, KULIM HI-TECH PARK 09000 KULIM, KEDAH |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 10166 |
| Peminjam | : | TNEH WENG KUAN - 85042607**** NO.12-7 TAMAN HUI AUN, HALAMAN ZOO SATU 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : | TEH BENG SENG - 43041407**** NO. 4-R JALAN ZOO, 11500 AYER ITAM , PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : | TEH CHENG HOE - 52042707**** 1-8-14 TMN LONE PINE , LEBUH RAMBAI 14, PAYA TERUBONG 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 10173 |
| Peminjam | : | PUVENDRAN A/L KARPAYAH - 83050207**** 681-B TINGKAT 2 BLOK A, TAMAN TUN DR AWANG, BAGAN AJAM 13000 BUTTERWORTH |
| Penjamin 1 | : | PANNEER SELVAM A/L GANESEN - 71072507**** T.B.P. 3728 RUMAH PANJANG UDA, BAGAN DALAM 12100 BUTTERWORTH |
| Penjamin 2 | : | WINSON A/L SAVASTIAN - 78092708**** 1F-05-09 JALAN RU 1, DESA BAIDURI, FARLIM, AYER ITAM 11500 PULAU PINANG |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 10174 |
| Peminjam | : | NUR AFRAH BINTI MD SUKI - 85062407**** NO. 1570 JALAN PONGSU SERIBU, TAMAN KOSKAM 13200 KEPALA BATAS, SPU |
| Penjamin 1 | : | MD SUKI BIN HUSIN - 53101007**** NO. 1570 JALAN PONGSU SERIBU, TAMAN KOSKAM 13200 KEPALA BATAS, SPU |
| Penjamin 2 | : | SITI RAHMAH BINTI ABD HALIM - 60010207**** 6329 JALAN HAJI MURSHID, PEKAN DARAT, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 10175 |
| Peminjam | : | NOOR BAKHTIAR BIN AHMAD - 82021007**** NO.141 JALAN 4, TELOK BAHANG 11050 PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : | NOOR AZIDAH BINTI AHMAD - 75040107**** 141 LORONG NELAYAN 4 , TELUK BAHANG, BALIK PULAU 11050 PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : | NOORHANA BINTI AHMAD - 72012807**** 7A-5-10 PALM COURT, SERI TANJUNG PINANG, TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 10179 |
| Peminjam | : | YONG HUI MAN - 83060614**** NO. 16 CANGKAT KENARI 2, TAMAN DESARIA, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : | ANG SEW CHING - 55022108**** 2-5-7 LEBUH PADANG TEMBAK, 11400 PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : | YONG LEE MAN - 80103014**** 16 CHANGKAT KENARI 2, TAMAN DESARIA, SUNGAI ARA, 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 10186 |
| Peminjam | : | LIM CHEE PIN - 83022807**** 354-6-1 GAT LEBUH MACALLUM 10300 GEORGETOWN, PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : | LIM HOOI LENG - 72090907**** NO. 5 MEDAN TERENGGANU, JALAN LIM LEAN TENG 11600 PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : | DR. SOON HOCK CHYE - 71020507**** 33 JALAN HIKMAT, 11600 JELUTONG, PULAU PINANG |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 10189 |
| Peminjam | : | SIM LEE YING - 83100307**** 1243 BAGAN BUKIT TAMBUN 14110 SIMPANG AMPAT, SPS |
| Penjamin 1 | : | SIM LEE WEI - 81020207**** 1243 BAGAN BUKIT TAMBUN 14110 SIMPANG AMPAT, SEBERANG PERAI SELATAN |
| Penjamin 2 | : | TAN BEE HONG - 76032507**** 1243 BAGAN BUKIT TAMBUN 14110 SIMPANG AMPAT, SEBERANG PERAI SELATAN |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 10191 |
| Peminjam | : | MOHD NAZIRUL AMRI BIN AZIZAN - 86100735**** 64-G-6 PANGSAPURI MESRA, JALAN LIM KHOON HUAT 10460 PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : | AZIZAN BIN HASSAN - 56100602**** 64-G-6 PANGSAPURI MESRA, JALAN LIM KHOON HUAT 10460 PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : | ISMAIL BIN IBRAHIM - 68100807**** 406-B JALAN LAMA, TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 10194 |
| Peminjam | : | NOR HALIZA BINTI HALIB@YAHAYA - 83022707**** BERDEKATAN 267, MUKIM 7, PULAU BETONG, BALIK PULAU 11020 PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : | HELMI BIN HALIB - 70012507**** 4-2-16 TAMAN SERI INDAH, 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : | USAMAH BIN SALIM - 71021907**** 283 JALAN DATUK KERAMAT 10150 PULAU PINANG |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 10195 |
| Peminjam | : | CHAM WEN GINN - 84091207**** BLOK 130-17-1 SRI PELANGI CONDO, JALAN GENTING KLANG 55200 PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : | CHAM MUN SEONG - 77101507**** 66 JALAN ANGGERIK 5/4 , TAMAN AMAN JAYA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH |
| Penjamin 2 | : | LAU PO SIN - 81110202**** 218 LORONG TEJA 1, TAMAN KELADI, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 10197 |
| Peminjam | : | MOHD AZRI BIN ELIAS - 82082307**** NO.116 PERMATANG SETAR, PINANG TUNGGAL 13200 KEPALA BATAS, SPU |
| Penjamin 1 | : | ELIAS BIN MAT NOH - 57092002**** NO. 116 PERMATANG SETAR, PINANG TUNGGAL 13200 KEPALA BATAS, SPU |
| Penjamin 2 | : | NOR AZIRA BINTI ELIAS - RF/140*** BALAI POLIS JAYA GADING, KM 14 JALAN GAMBANG 25150 KUANTAN, PAHANG |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 10002 |
| Peminjam | : | EZMIL ARIFF BIN MOHD KHAIRAN - 74090807**** UNIT PENTADBIRAN, JABATAN PELAJARAN NEGERI PULAU PINANG, JALAN BUKIT GAMBIR, 11700 PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : | EZMAWATI BINTI MOHD KHAIRAN - 78072807**** 2-03-B APRT DESA SRI JAYA, TAMAN KELISA EMAS, 13700 PRAI |
| Penjamin 2 | : | AZLINDA BINTI AHMAD - 74100902**** No. 8 PERSIARAN SEKSYEN 5/8, BANDAR PUTRA BERTAM, 13200 KEPALA BATAS, SPU |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 10120 |
| Peminjam | : | PREMA DEVI A/P CHELLAYAH - 80091007**** 26 LORONG BELATUK 8, TAMAN BELATUK, JALAN BUKIT PANCHOR 14300 NIBONG TEBAL, SPS |
| Penjamin 1 | : | GANESH CHANDRU A/L CHELLAYAH - 75101507**** B 13-07 SEAVIEW TOWER, JLN HARBOUR PLACE OFF JALAN ASSUMPTION 12100 BUTTERWORTH |
| Penjamin 2 | : | VICKNESWARI A/P THANNIMALAI - 78060807**** B 13-07 SEAVIEW TOWER, JLN HARBOUR PLACE OFF JALAN ASSUMPTION 12100 BUTTERWORTH |

# KN terus bantu rakyat miliki kediaman sendiri



KETUA Menteri ditemani barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil pemaju menyempurnakan gimik Majlis Pecah Tanah QuayWest Residence di Bayan Mutiara di sini baru-baru ini.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**BATU UBAN –** Kerajaan Negeri menyatakan komitmen yang berterusan untuk membantu rakyat Pulau Pinang memiliki kediaman sendiri.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pembinaan rumah mampu milik yang direncanakan Kerajaan Negeri bukan sahaja memberi peluang kepada rakyat memiliki rumah sendiri, malah juga mampu meningkatkan taraf kehidupan rakyat.

"Sememangnya, adalah menjadi hasrat kita (Kerajaan Negeri) untuk melihat setiap rakyat di negeri ini, yang berkelayakan, mampu memiliki kediaman sendiri.

"Oleh itu, saya percaya bahawa penglibatan syarikat pemaju amat penting dalam merealisasikan aspirasi kita (Kerajaan Negeri) untuk melihat rakyat menikmati hidup yang selesa seiring dengan taraf kehidupan kini," katanya selepas merasmikan Majlis Pecah Tanah QuayWest Residence di Bayan Mutiara di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim.

Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, Dr. T. Jayabalan dan Pengarah Tropicana Ivory, Datuk Low Eng Hock antara yang turut serta dalam majlis berkaitan.

Dalam pada itu, Guan Eng memuji inisiatif syarikat pemaju hartanah Asia Green Property Development, iaitu sebuah anak syarikat *Asia Green Group* (AGG), peneraju pembangunan hartanah dan reka bentuk bangunan hijau, kerana menyahut aspirasi Kerajaan Negeri untuk terus bekerjasama dalam mewujudkan persekitaran yang kondusif dan pembangunan lestari di negeri ini.

"Saya berharap lebih banyak pemaju hartanah tampil membantu Kerajaan Negeri menyediakan perumahan mampu milik untuk semua lapisan rakyat di Pulau Pinang," ujarnya.

Projek QuayWest Residence (QuayWest) merupakan projek pembangunan bercampur dengan nilai pembangunan kasar sebanyak RM600 juta.

Terletak hanya lima minit dari pusat membeli-belah Queensbay di Persiaran Bayan Indah, QuayWest dibangunkan di atas tapak seluas tiga hektar bagi tanah komersil menghadap ke laut.

Menawarkan 1,235 unit rumah pegangan bebas di dua menara 24 tingkat, projek tersebut turut mempunyai 253 unit SoHo (pejabat kecil/pejabat rumah) dengan tawaran berpatutan selain 304 unit kediaman kos sederhana rendah.

# KM harap tahun 'Monyet Api' bawa tuah kepada semua



KAKITANGAN dan para tetamu Rumah Terbuka Tahun Baru Cina & Chap Goh Meh, anjuran PDC menjamu sajian yang dihidangkan pada majlis sambutan di sini baru-baru ini.

**TAHUN MONYET API HARAP BAWA TUAH...** PELBAGAI juadah disajikan di Rumah Terbuka Tahun Baru Cina & Chap Goh Meh, anjuran Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dekat Bayan Lepas, sebagai menghargai tetamu di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (Timbalan Ketua Menteri I), Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II) serta barisan Exco Kerajaan Negeri lain merupakan tetamu kenamaan utama.

Guan Eng dalam ucapannya berharap sektor pelaburan di negeri ini masih dapat berkembang, sungguhpun melalui iklim ekonomi negara yang kian mencabar pada tahun ini.

Beliau berharap Tahun Monyet Api yang disambut menurut zodiak Cina pada tahun ini, bukan sahaja membawa tuah kepada mereka yang lahir pada Tahun Kambing, bahkan semua rakyat Malaysia yang mendiami Pulau Pinang.



MODEL kampus baharu KDUPP yang bakal dibangunkan di Batu Kawan.

# KDUPP, universiti metropolis pertama di P. Pinang

**BUKIT TAMBUN –** Fasa satu pembinaan kampus baharu Kolej Universiti KDU Pulau Pinang (KDUPP) di Batu Kawan yang bernilai RM220 juta dijangka siap paling lewat pada awal tahun 2019.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, pelaburan bidang pendidikan ke Pulau Pinang tersebut dianggarkan menjana Nilai Pembangunan Kasar (GDV) sebanyak RM2.2 bilion kelak.

"43 ekar tanah untuk projek pemajuan universiti ini dianggarkan bakal menjana GDV sebanyak RM2.2 bilion.

"Kampus ini akan menjadi universiti metropolis pertama di Pulau Pinang, yang akan berkembang pesat di kawasan Batu Kawan," ucapnya pada Majlis Pecah Tanah Projek Pemajuan Kampus Baharu KDUPP di sini baru-baru ini.

Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani dan Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rosli Jaafar dan Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif turut sertai majlis tersebut.

Hadir sama, Pengerusi merangkap Pengarah Eksekutif Paramount Corporation Berhad, Datuk Teo Chiang Quan, Jeffrey Chew (Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Paramount Corporation Berhad), Teh Geok Lian (Ketua Pegawai Eksekutif Paramount Pendidikan) dan Dr. Chong Beng Keok (Naib Canselor KDU Pulau Pinang).

Menurut Guan Eng, pemajuan kampus baru berkenaan sekaligus mempercepat rancangan Kerajaan Negeri melalui PDC untuk menjadikan kawasan sekitar Bandar Cassia dekat Batu Kawan sebagai bandar satelit pintar masa depan di negeri ini.

Tambahnya, di sini juga akan dilengkapkan dengan beberapa prasarana pembangunan lain, seperti hospital, gedung IKEA pertama di luar Lembah Klang, padang golf, sekolah, perumahan awam dan taman tema rekreasi.

Susulan itu, Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam turut merakamkan penghargaan kepada Paramount Corporation Berhad dan pentadbiran KDUPP kerana memilih Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan pendidikan.

Pada sidang media selepas itu, Geok Lian memberitahu bahawa kampus baru itu mampu menampung kapasiti maksimum seramai 5,000 mahasiswa.

KDUPP merupakan anggota Paramount Pendidikan yang bertanggungjawab menawarkan pendidikan berkualiti dari peringkat sekolah rendah, sekolah menengah aliran tempatan dan antarabangsa.

Perbadanan itu turut menawarkan pelbagai program eksekutif dan pembangunan profesional peringkat ijazah dan lepasan ijazah.

Kampus baru di Batu Kawan tersebut akan dibina ketika Pendidikan Paramount meraikan ulang tahun ke-30 pada 2013, dengan mempunyai kira-kira 80,000 pelajar sejak penubuhannya.

Paramount Pendidikan adalah cabang pendidikan Paramount Corporation Berhad, sebuah syarikat awam yang disenaraikan di pasaran utama Bursa Malaysia Securities Berhad, terlibat dalam pelbagai perniagaan penting, merangkumi pembangunan hartanah.

# MAHPC sambut baik inisiatif pengasingan sisa

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**TANJUNG BUNGA –** Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon memuji sikap *Malaysia Association of Hotels, Penang Chapter* (MAHPC) yang menggalakkan ahli-ahlinya melaksanakan pengasingan sisa dalam usaha memastikan pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca dilakukan dengan jayanya.

Rashid ketika ditemui baru-baru ini berkata, Kerajaan Negeri amat berbesar hati apabila inisiatif yang diambil mendapat sambutan baik daripada pengusaha-pengusaha hotel di Pulau Pinang.

Jelasnya, Kerajaan Negeri sentiasa mengalu-alukan semangat dan kerjasama positif dalam kalangan semua lapisan rakyat mahupun organisasi kerajaan dan bukan kerajaan (NGO) di Pulau Pinang ke arah pelaksanaan dasar berkaitan pada 1 Jun nanti.

"Pengurusan sisa adalah sesuatu yang mencabar, namun, saya percaya, inisiatif yang diambil oleh semua pihak mampu menjadikan Pulau Pinang negeri unggul dalam pengurusan sisa terutama sisa domestik dan pepejal di kawasan-kawasan kediaman dan industri.

"Seperti yang diwar-warkan sebelum ini, Pulau Pinang menghasilkan sejumlah 1,700 tan metrik sisa dalam tempoh sehari dan kesemua sisa ini dibawa ke tapak pelupusan sampah di Pulau Burung.

"Jumlah sisa yang dijana setiap hari ini sentiasa tinggi dan ia akan memendekkan hayat tapak pelupusan sedia ada dan adalah mustahil dengan keadaan geografi Pulau Pinang untuk mencari tapak baru.

"Oleh itu, kita (Kerajaan Negeri) amat berbesar hati apabila Projek Perintis Dasar Pengasingan Sisa Di Punca bagi kategori hotel dapat dilaksanakan di Hotel Rainbow Paradise Beach Resort sebagai galakan untuk hotel-hotel lain tampil menyahut inisiatif ini," katanya sejurus majlis pelancaran projek berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Unit Pengurusan Sisa Pepejal, Oon Lai Kuan; Pengarah Perkhidmatan Perbandaran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Mubarak Junus; Pengarah Urusan Hotel Rainbow Paradise Beach Resort, Calvin Koay dan Pengerusi MAHPC, Khoo Boo Lim serta wakil-wakil hotel di Pulau Pinang.

Terdahulu, inisiatif serupa turut diluncurkan di pejabat pentadbiran kerajaan di Komtar (bagi kategori pejabat kerajaan) dan di Flat Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Melayu, Air Itam (bagi kategori kediaman bertingkat PPR).




**SUDUT pungutan kitar semula di Hotel Rainbow Paradise Beach Resort.**



**(Dari kiri), MUBARAK Junus, Calvin Koay, Mohd. Rashid Hasnon, Oon Lai Kuan, Khoo Boo Lim dan Pegawai Perhubungan Awam Hotel Rainbow Paradise Beach Resort, Zainal Basiron menyempurnakan gimik pelancaran Projek Perintis Dasar Pengasingan Sisa Di Punca bagi kategori hotel di sini baru-baru ini.**

## Bank kitar semula pupuk etika pengasingan sisa masyarakat

**AIR ITAM –** Pelancaran projek perintis bank kitar semula yang dilancarkan di Flat Kampung Melayu di sini baru-baru ini diharap dapat mendidik masyarakat setempat untuk mengasingkan sisa domestik mengikut kategori ditetapkan.

Selaras dengan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca yang bakal dikuatkuasakan pada 1 Jun nanti, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, pengenalan bank kitar semula di bawah kategori Projek Perumahan Rakyat (PPR) tersebut merupakan pendekatan langsung dalam mendidik masyarakat untuk mengitar semula sisa domestik masing-masing.

"Flat ini (Kampung Melayu) merupakan flat PPR pertama melaksanakannya iaitu membabitkan pengasingan sisa kitar semula seperti kertas, plastik, kaca dan aluminium serta pengasingan sisa baki seperti sisa makanan dan sisa kotoran.

"Diharap supaya penduduk dapat memupuk etika pengasingan sisa di punca di rumah masing-masing demi kelestarian generasi akan datang," ucapnya pada Majlis Pelancaran Projek Bank Kitar Semula di Dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Melayu di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin, Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. Ang Aing Thye, Pengarah Perkhidmatan Perbandaran MBPP, Mubarak Junus dan Ahli Majlis MBPP, Syerleena Abd. Rashid.

Projek bank kitar semula tersebut adalah hasil kerjasama antara Unit Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Kerajaan Tempatan bersama-sama JKKK Flat Kampung Melayu.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu, sejumlah 1,700 tan sampah dikutip dan dilupuskan di tapak pelupusan Pulau Burung setiap hari.

"Oleh demikian, pengenalan bank kitar semula ini adalah amat bersesuaian yang mana penduduk boleh melaksanakan pengasingan sisa dan ia akan dibayar mengikut nilaian kategori yang ditetapkan setiap bulan," jelasnya yang juga ADUN Padang Kota.

Melalui pendekatan tersebut, penduduk yang mengasingkan sisa bakal berurusan terus dengan 'penjaga' bank kitar semula pada setiap hari Sabtu, bermula jam 9 pagi sehingga 12 tengahari.

Apabila cukup sebulan, pihak berwajib akan memungut dan membuat nilaian mengikut kadar timbangan setiap kategori.

Sejumlah 80 peratus daripada nilai terkumpul akan disalurkan kepada penduduk dalam bentuk tunai, manakala bakinya (20 peratus) akan disumbangkan kepada JKKK sebagai kos operasi, pengurusan dan aktiviti komuniti.




**BUKU bank kitar semula bagi mendidik masyarakat setempat mengasingkan sisa domestik mengikut kategori ditetapkan yang dilancarkan di Flat Kampung Melayu di sini baru-baru ini.**




**Tabung Usahawan Tani Muda merupakan program skim mikro kredit oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang menawarkan pinjaman tanpa faedah berjumlah RM5,000 bagi membantu usahawan-usahawan tani di negeri ini memperkembangkan perusahaan masing-masing.**

**Antara penerima skim Tabung Usahawan Tani Muda yang berjaya dan cemerlang ialah Muhammad Hashim yang mengusahakan tanaman sayur-sayuran di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT); Mohd. Salmee Ismail (penanaman sayur-sayuran, Daerah SPT) dan Khairul Nizam Mat Taib (penternakan ayam piru, Daerah Seberang Perai Utara, SPU).**

**Daftarlah sekarang!!**

# Tampil Komuniti wajah baru, berorientasi kekeluargaan

**BERTAM –** Agenda keharmonian rumahtangga menjadi fokus utama dalam pelaksanaan Pesta Tampil Komuniti meliputi kelima-lima daerah di negeri ini, kata Dato' Mohd. Rashid Hasnon.

Timbalan Ketua Menteri I itu berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan agensi negeri, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) demi menjayakan agenda tersebut.

"Kita (Kerajaan Negeri) mesti pergi ke tempat-tempat yang tidak pernah kita pergi melalui Pesta Santai Rakyat sebelum ini.

"Perkara pertama yang mesti diberikan fokus adalah berkaitan keharmonian rumah tangga," katanya yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Pesta Tampil Komuniti Peringkat Daerah Seberang Perai Utara (SPU) di Padang Awam Taman Panglima di sini baru-baru ini.

Menurut Mohd. Rashid, Pesta Tampil Komuniti tersebut adalah wajah baru serta langkah penjenamaan semula daripada Pesta Santai Rakyat, yang dianjurkan pada tahun lalu.

Di pentas sama, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng menasihatkan semua pihak supaya mengutamakan keharmonian keluarga, sungguhpun masing-masing dihambat dengan lebih satu pekerjaan untuk terus hidup pada era ekonomi negara kian mencabar kini.

"Kebahagiaan tidak boleh dibeli dengan duit ringgit, di pasar raya pun tidak dijual, kaya belum tentu bahagia, manakala, keluarga yang berpendapatan sederhana lebih bahagia.

"Maka, semua orang mesti mengutamakan keharmonian keluarga, dan Kerajaan Negeri pun sedaya upaya melaksanakan program kekeluargaan seumpama Pesta Tampil Komuniti ini," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang.

Hadir sama, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Datin Rohana Weiler, Hakmal Effendi (Penolong Pegawai Daerah SPU); Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Bertam, Asrol Sani Abdul Razak; Muhasdey Mohamad (PPK Pinang Tunggal); Mustafa Kamal Ahmad (PPK Teluk Air Tawar) dan Lay Hock Peng (PPK Khas).



MOHD. Rashid Hasnon (empat dari kiri dan Chong Eng (tiga dari kanan) menyempurnakan gimik Majlis Perasmian Pesta Tampil Komuniti Peringkat Daerah SPU di sini baru-baru ini.

Lebih 20 gerai pameran dibuka, antaranya oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Zakat Pulau Pinang (ZPP), Persatuan Seni Silat Gayung Malaysia dan sebagainya.

"Ustaz manis", Imam Muda Asyraf dan kumpulan Qasidah Ar-Rayyan antara artis yang mengisi persembahan pentas di sini.

Pelbagai sukan rakyat turut dianjurkan, antaranya acara lari dalam guni, mencanting batik, pertandingan mewarna serta mengukir atas buah-buahan tempatan.

# *Le Tour De Langkawi Malaysia 2016* kembali ke P. Pinang



WANG Meiyin (dua dari kiri) dan Andrea Guardini (dua dari kanan) ketika menerima anugerah masing-masing pada penganjuran peringkat kedua *Le Tour De Langkawi Malaysia 2016* di sini baru-baru ini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar: **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Penganjuran peringkat kedua *Le Tour De Langkawi Malaysia 2016* kembali ke Pulau Pinang, selepas buat kali pertamanya di negeri ini pada tahun 1999.

Andrea Palini dari pasukan *Skydive Dubai* mendahului Andrea Guardini di garis penamat peringkat kedua di sini.

Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas diberi penghormatan menyarungkan jersi serta menyampaikan medal kepada mereka berdua dan juga para pemenang lain.

Majlis tersebut turut disaksikan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. P. Ramasamy, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, barisan Exco Kerajaan Negeri serta Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus.

Seramai 132 pelumba dari 22 pasukan tempatan dan antarabangsa menyahut cabaran peringkat kedua kejohanan berbasikal tersebut.

Mereka berlumba dari Sungai Petani, Kedah kira-kira 158 kilometer (km), termasuk merentasi Jambatan Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah sepanjang 24km dan melalui kawasan berbukit Teluk Bahang dekat Balik Pulau, sebelum menamatkan saingan di Padang Kota Lama di sini.

Andrea Guardini dari *Astana Pro Team* diumum sebagai juara keseluruhan dengan kelebihan dua saat di depan Andrea Palini, yang diumum duduk di tempat kedua.

Atlet China, Wang Meiyin dari pasukan *Hengxiang Cycling* dipilih menerima dua anugerah, "Raja Daki Bukit" dan "Pengayuh Terbaik Asia".

Manakala, pelumba negara, Loh Sea Keong dipilih menerima anugerah *"Most Combative Rider"*.

Terdahulu, kesemua pelumba pada 24 Februari lalu bersaing dalam peringkat pertama *Le Tour De Langkawi Malaysia 2016*, dari Kangar (Perlis) ke Baling (Kedah) kira-kira 166.6km.

Saingan peringkat ketiga pada 26 Februari 2016 adalah sejauh 107.2km, dari Kulim (Kedah) ke Kuala Kangsar (Perak).

Keseluruhan siri saingan *Le Tour De Langkawi Malaysia 2016* adalah lapan peringkat, dari 24 Februari hingga 2 Mac 2016 lalu.

# Sumbang RM100, ukir nama di dinding Pusat Sains Tech Dome

**GEORGE TOWN –** Baki RM1.5 juta lagi diperlukan untuk membiayai kos pemajuan Pusat Sains Tech Dome dekat Komtar, yang keseluruhannya dianggarkan bernilai RM28.5 juta.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng berharap, penganjuran *Tech Dome Glow Walk In The Park* pada 30 April ini mampu mengumpulkan dana tersebut iaitu melalui kutipan yuran penyertaan dan sumbangan awam.

"Setakat ini, sebanyak RM27 juta telah berjaya dikumpulkan hasil sumbangan pihak swasta dan awam termasuk pihak Kerajaan Negeri...kini, kita hanya memerlukan lagi RM1.5 juta," katanya kepada pemberita pada majlis sidang media pengumuman penganjuran *Tech Dome Glow Walk In The Park* di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pengarah Penang Tech Centre Bhd., Datuk Wong Siew Hai, Dr. Y. L. Khong (Ketua Pegawai Eksekutif Penang Tech Centre Bhd.) dan A. Govindasamy (wakil Persatuan Olahraga Amatur Pulau Pinang, PAAA).




POSTER penganjuran Tech Dome Glow Walk In The Park.

Mengulas lanjut, Chong Eng memberitahu bahawa penganjur mensasarkan 5,000 penyertaan minimum, dengan tiap-tiap peserta dikenakan yuran sebanyak RM35.

"Yuran penyertaan dikira sebagai derma," ujarnya yang turut mengadakan lawatan bagi meneliti gerak kerja di Pusat Sains Tech Dome yang kini rancak berjalan.

Tambah beliau, mereka yang membuat sumbangan awam melebihi RM100 layak untuk diberi kemeja-t *dri-fit*, dengan nama penderma dipamerkan pada dinding terpilih kompleks pendidikan tersebut apabila siap pada Jun ini.

Difahamkan, majlis pelepasan acara akan diadakan di Taman Bandaraya (Taman Belia) dekat Kebun Bunga pada jam 8 malam.

Tarikh akhir pendaftaran untuk pernyertaan individu adalah pada 8 April ini, manakala, penyertaan berkumpulan (31 Mac 2016).

Chong Eng memberitahu, kaunter penyertaan akan ditutup lebih awal sekiranya penyertaan genap 5,000 peserta.

Info lanjut, hubungi **04 – 262 6663** atau emelkan ke ***glo-walk@techdomepenang.org.***

Pusat Sains Tech Dome merupakan kompleks pameran sains yang diilhamkan oleh Kerajaan Negeri, demi menyemarakkan minat generasi masa depan dalam bidang tersebut.

# Buah sawa Kampung Selamat paling sedap – Pak Mad

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



PAK Mad memotong buah ciku jualannya untuk dirasai pelanggan.

**BAGI** penulis, tiada nostalgia manis yang tersemai tentang buah ataupun pokok ciku.

Pokok besar yang tumbuh di halaman rumah (di kampung) bukan sahaja memaksa penulis untuk membersihkan daun-daun yang luruh, malah apabila dimakan buahnya, ia adalah amat kelat!

Malah, yang dibeli di pasaran pun amat susah untuk mendapat buah manis dan tidak berulat.

Lazimnya, faktor-faktor tersebut menyebabkan penulis 'berputus asa' dan tidak mengambil risiko untuk membeli buah ciku walaupun teringin hendak makan.

Tambahan pula, harganya kini adalah amat mahal.

Baru-baru ini, selepas sesi wawancara yang dijalankan di Kampung Selamat, Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara (SPU), Skuad Jalan-jalan Buletin Mutiara berhenti untuk makan tengah hari di sebuah kedai laksa.

Di hadapan premis tersebut, terdapat sebuah gerai menjual ciku yang nampak agak elok buahnya.

Penulis menghampiri gerai tersebut dan menyapa pemiliknya.

"Encik, buah ni elok ke?"

Sambil memandang ke arah penulis, beliau memilih sebiji buah ciku lalu dipotong untuk dirasa.

"Cubalah sendiri,'' jawabnya selamba.

Wahhh, sedap dan manisnya! Detik hati penulis.

Difahamkan, pemilik gerai yang lebih dikenali sebagai Pak Mad telah 13 tahun terlibat dalam perniagaan jual dan beli buah ciku atau bahasa tempatan, buah sawa.

Pak Mad atau nama sebenar, Ahmad Saad, 58, memberitahu, berdasarkan pengalamannya, buah ciku di Kampung Selamat adalah yang paling manis dan sedap.

"Kampung Selamat umpama 'Kampung Buah Sawa'.

"Di sinilah paling banyak buah sawa (lebih biasa dengan panggilan buah sawa) kerana dapat jual deret dalam tempoh tiga bulan untuk setiap musim. Buah di sini juga paling sedap dan manis,'' katanya memulakan perbualan pada hari berkenaan.

Pak Mad memberitahu, rasa buah ciku kelat adalah disebabkan buahnya tidak masak, manakala yang keras, sebab ia jatuh.

"Buah sawa manja dan ulat-ulat memang biasa. Kalau ia jatuh atas rumput pun, sudah tidak boleh makan sebab ia akan jadi keras.

"Justeru, perlu galah berjaring untuk memetiknya satu satu.

"Selepas buah dipetik, saya akan cuci setiap satu dengan air biasa agar ia kelihatan licin dan bersih apabila dijual nanti.

"Selepas itu, ia diperam selama dua malam sebelum dipasarkan,'' jelasnya sambil mengakui bahawa prosesnya adalah amat rumit dan 'cerewet'.

Mengulas lanjut, penglibatan Pak Mad dalam bidang perniagaan tersebut adalah bermula apabila beliau melihat buah-buah ciku di rumahnya luruh terbiar.

"Ada tiga pokok sawa di depan rumah, buahnya tidak habis dimakan dan dibiarkan macam itu sahaja.



POKOK ciku.

"Daripada dibiarkan macam tu, saya cuba jual dan tidak sangka ia laku. Permintaan memang ada!

"Dari situ, saya mula ambil yang orang lain untuk dijual juga. Saya pernah buat cara 'tolak', tapi tidak 'padan' dengan kerja yang perlu dibuat, maka saya putuskan untuk jual secara runcit sahaja di simpang empat Klinik Kampung Selamat,'' ujar beliau yang tidak menafikan khasiat buah ciku kepada kesihatan terutamanya dalam kalangan pesakit gastrik.

Mengulas lanjut, Pak Mad menyatakan bahawa dalam setahun, musim jualan buah ciku adalah kira-kira tujuh bulan kecuali bulan bukan musim sekitar Jun, Julai dan Ogos.

"Ketika musim (ciku) berbuah, dalam satu kampung terdapat empat gerai dekat-dekat yang menjualnya.

"Bagaimanapun, persaingan ini tidak menjejaskan perniagaan mana-mana pihak, sebab permintaan dan pelanggan sentiasa ada.

"Setiap hari, saya buka gerai pada jam 11 pagi, jual kira-kira 30 kilogram buah sawa, habis!

"Walaupun terdapat pelbagai jenis (buah) sawa di pasaran kini seperti sawa mega dan sawa madu, saya hanya jual yang buah lama (tempatan) sahaja,'' kata beliau.

Bagi perancangan masa depan, Pak Mad ingin mengekalkan perniagaannya kini.

"Walaupun empat anak saya tidak minat untuk meneruskan perniagaan ini, saya akan terus usahakan.

"Saya memang nampak potensinya sebab kini pun, selain (buah sawa) dimakan terus, ada juga dibuat kek, jus dan jeli,'' jelasnya sambil menyatakan bahawa tempoh ketahanan buah sawa dijual beliau adalah selama tiga hari.

**INFO :**
**No. Tel. : 013 – 442 0510**



BUAH ciku yang sedia untuk dipasarkan.



RUPA bentuk buah ciku yang siap dipotong.

# Ke *5D Interactive World* bagaikan terapung di udara



SEAKAN dilambung dek gelombang kuat di Zon Adikuasa dekat Galeri Seni 5D Interactive World di George Town baru-baru ini.

**KREATIVITINYA** telah mengubah sebuah rumah kedai lama dua tingkat berkeluasan 6,000 kaki persegi menjadi Galeri Seni 5D Interactive World.



ANDREW Lim.

Galeri seni itu sebaris dengan pasar raya Gama dan pasar raya Penang Times Square, tak jauh, dan kalau berjalan dari Komtar tidak sampai 30 minit.

Pengarah Pemasaran, Adrew Lim memberitahu, sebelum geleri tersebut mula dibuka pada 5 Disember tahun lalu, beliau sendiri pernah membuat beberapa pameran kreativiti di luar negara.

"Sebenarnya, selalu kami buat projek di luar negeri, kita pernah buat pameran di *Universal Studio* di Singapura, *Legoland* di Johor Baharu, di taman tema Dubai dan banyak lagi.

"Ada orang bertanya saya, mengapa kamu semua tidak membuka suatu studio yang mempamerkan produk kamu sendiri

"Selepas ada idea ini, ada lagi bertanya, kenapa tidak diwujudkan idea ini di Pulau Pinang?

"Kenapa di sini, tentulah kerana kami semua adalah orang Pulau Pinang, kami nak memberitahu dunia bahawa produk dan tempat (galeri seni) kami ini pun di Pulau Pinang," jelas Andrew.

Beliau berkata demikian semasa ditemubual oleh wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** di galeri seni di sini baru-baru ini.

Andrew dikenali sebagai seorang yang mempunyai minat yang mendalam dalam aktiviti memulihara alam sekitar, sungguhpun beliau adalah penggerak kilang membuat barangan plastik *(packaging industries)*.

Sejak beberapa tahun lalu, beliau mengasaskan Pusat Sumber Alam Sekitar Seberang Perai Utara (SPU), dan kini turut diiktiraf oleh Kerajaan Negeri, melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

**5 Zon Ajaib!**

Cintanya pada alam sekitar turut diabadikan dalam salah satu zon di Galeri Seni 5D Interactive World.

Di Zon Hijau & Zon Kitar Semula, menurut beliau, antaranya terdapat struktur tenggiling di antara dua alam, yang boleh dinikmati secara 5D.

"3D masyarakat kita memang sudah biasa, tetapi 5D (lima dimensi) lebih interaktif di mana kita boleh nampak struktur, ada pencahayaan, ada bunyi dan boleh disentuh.

"Kita mewujudkan suatu studio lima dimensi yang tiada dalam pasaran, boleh dikatakan ini pertama di Malaysia studio 5D dalam kedai," jelasnya.

Tambah beliau, barang-barang kitar semula seperti tin minuman, kotak dan kertas merupakan antara bahan asal untuk menghasilkan struktur kreatif di zon tersebut.

Difahamkan, ada lima zon kesemuanya.

Antaranya, Zon Animasi umpamanya, pengunjung boleh merakamkan gambar dalam keadaan dilihat terapung di udara. Ajaib!

Jika ingin merasai saat mendebarkan digenggam oleh raksasa, juga terdapat di zon ini.

Di Zon Adikuasa pula, ada busana perang.

Lebih menarik, pengunjung boleh merakamkan gambar seakan dipukul kuasa gelombang yang kuat, macam dalam filem kategori sains fiksyen atau *'super power'*.

Jika ingin merasai suasana seperti dalam filem bersiri *Matrix*, Zon Reka Bentuk mungkin akan memberi pengalaman baharu untuk pengunjung.

Zon Ria pula, pengunjung akan dibekalkan dengan sebungkus selut buatan.

Di terakhir ini, pengunjung berpeluang untuk menghasilkan hasil kerja tangan, seperti acra, tembikar kecil dan sebagainya.



TANPA ilmu magis pun, pengunjung boleh terapung di udara. Ajaib kan....

"Sesuai dengan tema kami, *Art Creative Education* (ACE) atau Seni, Kreativiti dan Pendidikan, di sini antaranya ada satu zon di mana kami cuba mempromosikan aktiviti kitar semula dengan menggunakan kreativiti, untuk mendidik orang ramai.

"Seluruh Malaysia mengenali Pulau Pinang sebagai 'negeri hijau'.

"1 Jun ini, Pulau Pinang juga akan melaksanakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca, tapi masih ramai kurang pengetahuan bagaimana nak selamatkan bumi ini.

"Walaupun studio 5D atau Galeri Seni 5D Interactive World ini masih baru, kami ingin berkongsi pengetahuan dan pendidikan dengan mereka yang cintai alam sekitar dan Pulau Pinang," nyatanya.

Mengulas lanjut, Andrew memberitahu, mulai Mac ini, Galeri Seni 5D Interactive World telahpun ada beberapa sekolah dan mahasiswa universiti awam menyatakan hasrat berkunjung ke sini.

"Satu-satu masa, 100 orang pengunjung boleh masuk ke sini.

"Walaupun baru dibuka, purata pengunjung ke sini tiap-tiap hari seramai 150 orang, dan kami sasar 300 orang sehari mulai bulan depan Mac," jelas beliau, bersyukur dibantu oleh 10 orang di sini.

Galeri Seni 5D Interactive World dibuka tiap-tiap hari mulai jam 9 pagi hingga 6 petang.

Bayaran masuk bagi warganegara dewasa adalah RM18 seorang, manakala warga emas berusia 60 tahun dan ke atas dan kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah (RM12).

Tiada bayaran untuk kanak-kanak berusia 4 tahun dan ke bawah.

Bagi pelancong asing, RM30 untuk dewasa dan RM20 untuk kanak-kanak.

**Harapan**

Andrew berharap suatu hari nanti Galeri Seni 5D Interactive World akan menjadi salah satu produk pelancongan pendidikan kreatif Pulau Pinang yang terkenal di rantau ini.

"Pulau Pinang memang sesuai sebagai lokasi pelancongan pendidikan, kerana telah banyak lokasi pelancongan dikenali di negeri ini, khususnya di bahagian pulau.

"Pada masa hahadan, kami harap ini boleh menjadi salah satu lokasi pilihan mereka yang berkunjung ke negeri ini, serta minat dalam bidang pelancongan pendidikan dan kreativiti.

**Info lanjut, hubungi Andrew Lim di talian +6019 - 475 4248.**



REPLIKA reptilia yang dihasilkan melalui tin aluminium yang dikitar semula.



ARCA-arca yang dihasilkan para pengunjung.

# Addnan, Ketua Jabatan Terbaik MBPP 2015

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Seramai 237 pegawai dan kakitangan pelbagai pangkat Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan 116 pesara diraikan dalam Majlis Penghargaan Pesara dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MBPP Tahun 2016 di Dewan Bandaraya di sini baru-baru ini.

Selain sijil penghargaan perkhidmatan cemerlang, para penerima turut menerima token dan cenderahati daripada Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail.

Ketika menyampaikan ucaptamanya, Patahiyah menyeru agar semua kakitangan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan memberi penekanan terhadap aspek pembentukan sikap yang lebih positif di samping berupaya menerima dan mengadaptasi perubahan dalam persekitaran bekerja.

Malah, beliau turut menekankan sifat-sifat dalaman seperti amanah, jujur, rajin, bertanggungjawab, ikhlas dan dedikasi yang menjadi asas penyampaian perkhidmatan terbaik untuk rakyat Pulau Pinang.

"Pihak Majlis sentiasa menekankan konsep budaya kerja berkualiti tinggi dalam kalangan kakitangannya agar pembudayaan itu dapat meningkatkan lagi keyakinan rakyat terhadap kemampuan dan kewibawaan Majlis," katanya pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis serta Ketua-ketua Jabatan dan pegawai-pegawai MBPP.

Dalam pada itu, Pengarah Bahagian Kejuruteraan MBPP, Ir. Addnan Mohd. Razali, 57, ketika ditemui menzahirkan rasa syukur setelah dianugerahkan sebagai Ketua Jabatan Terbaik pada majlis berkaitan.



ADDNAN Mohd. Razali.



S. Arulanthu.



SEE Yoon Peng.

"Alhamdulillah, syukur, setelah 32 tahun berkhidmat bersama Majlis, akhirnya kerja keras saya diiktiraf dan ia penuh bermakna kepada saya.

"Namun, ini bukanlah noktah, sebaliknya semangat untuk terus bekerja keras dalam merealisasikan impian Pulau Pinang sebagai sebuah bandaraya yang sesuai didiami perlu diteruskan.

"Selain itu, cabaran untuk meningkatkan mobiliti pengangkutan awam dan menjadikan ia medium pengangkutan utama juga memerlukan komitmen besar," ujarnya yang telah mula menabur khidmat bersama MBPP pada tahun 1984.

Bagi Pembantu Am Kejuruteraan, S. Arulanthu, 60, yang telah 36 tahun menabur khidmat dengan MBPP turut merasa gembira dengan pengiktirafan yang diberikan.

"Walaupun telah bersara, pengalaman sepanjang tempoh perkhidmatan cukup bermakna, apatah lagi apabila menerima Pingat Bakti Setia (PBS) dan penyertaan dalam pertandingan perahu naga di Australia yang saya sendiri tak pernah terpikir pun dapat peluang seperti itu.

"Sayanglah mahu tinggal kerja dan kawan-kawan. Kalau diberi peluang, memang mahu balik semula (berkhidmat dengan MBPP)," ujar bapa kepada tiga anak tersebut.

Turut berkongsi pengalaman adalah Jururawat Masyarakat di MBPP, See Yoon Peng, 61, yang telah menabur khidmat selama 34 tahun dengan PBT berkaitan.

"Pengalaman paling mencabar ialah ketika memberi rawatan kecemasan.

"Pernah suatu ketika, salah seorang daripada pekerja pengsan akibat serangan jantung, walaupun dalam keadaan menjadi cemas, sebagai jururawat, saya perlu berikan bantuan kecemasan sebelum merujuk beliau kepada hospital," ujarnya kepada Buletin Mutiara baru-baru ini.

## Penguatkuasa MPSP terima ancaman, YDP rujuk polis

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA –** Gara-gara mahu meruntuhkan binaan tanpa kebenaran berhampiran sebuah rumah mewah di Penang Golf Resort dekat Bertam, sekumpulan penguatkuasa Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dipercayai menerima ugutan dan ancaman dengan menggunakan senjata tajam daripada seorang individu di sini baru-baru ini.

Mengulas insiden itu, Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif memberitahu, suatu laporan polis telahpun dibuat demi memastikan keluarga semua penguatkuasa terbabit selamat.

"Kita hanya menjalankan tugas sebagai penjawat awam...kata-kata ancaman terhadap penguatkuasa kita (MPSP) melibatkan anak-anak dan keluarga.

"Tambahan dalam kawasan perumahan beliau, sampai sekarang tiada kelulusan termasuk binaan pondok pengawal, tetapi kita (MPSP) mengambil tindakan ke atas pondok pengawal sahaja," katanya pada majlis sidang media di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Setiausahanya, Sr. Rozali Mohamud, para Ahli Majlis, kakitangan-kakitangan pentadbiran serta penguatkuasa MPSP lain turut sertai sidang media tersebut.

Menurut Maimunah, MPSP sejak bulan Mac tahun lalu lagi memberi peluang kepada pemunya bangunan berkenaan supaya meruntuhkan binaan-binaan tanpa kebenaran berkaitan.

Namun, jelasnya, pemunya bangunan berkenaan hanya berjanji serta tidak melaksanakannya.

Terdahulu, MPSP pada 17 Disember 2014 mengeluarkan notis binaan tanpa kebenaran kepada pemunya bangunan berkenaan.

Berdasarkan Seksyen 72 Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974, membolehkan pihak berkuasa tempatan (PBT) meruntuhkan bangunan dalam tempoh satu hari dari tarikh notis dikeluarkan.

Direktorat Penguatkuasaan menerima laporan siasatan berwajib, susulan lawatan tapak oleh Penolong Pegawai Senibina Jabatan Bangunan MPSP.



AHLI Majlis MPSP menunjukkan rakaman video seorang individu memegang senjata tajam sambil mengancam direktorat penguatkuasaan pada hari kejadian, dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Pemantauan pada 31 Januari 2015 mendapati binaan-binaan tanpa kebenaran berwajib masih belum diruntuhkan.

Pada 13 Februari 2015, notis kuasa memasukkan bangunan pertama dikeluarkan oleh MPSP.

Berdasarkan Seksyen 97 akta sama, membolehkan kerja-kerja meruntuh bangunan tersebut dijalankan selepas tempoh 24 jam dari masa notis dikeluarkan.

Operasi meruntuh pada 10 Mac tahun lalu ditangguhkan, kerana pemunya bangunan menandatangani Surat Akujanji untuk meruntuhkan binaan tersebut dalam tempoh tiga hari lagi, selain membuat rayuan kepada MPSP.

Pada 14 Februari 2016, direktorat penguatkuasaan menerima ugutan, ancaman dengan menggunakan senjata tajam serta dibaling dengan tukul semasa mahu melaksanakan kerja-kerja meruntuh binaan tanpa kebenaran tersebut.

Pihak yang menghalang penjawat awam melakukan tugas boleh dipenjara maksimum dua tahun atau denda RM10,000 atau kedua-duanya, di bawah Seksyen 186 Kanun Keseksaan.

# KM syor Mah Hui ketuai penguatkuasaan trafik MBPP

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN –** Anggota jawatankuasa pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Forum Pulau Pinang *(Penang Forum),* Dr. Lim Mah Hui yang lantang mempertikai mutu penguatkuasaan trafik oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) disyor mengambil tugas-tugas berwajib.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pihaknya akan memberi kuasa penuh serta sokongan dari segi sumber tenaga Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), sekiranya Mah Hui sanggup menyahut syor itu sebagai cabaran.

"Seorang Datuk Bandar tugasnya bukan terbatas pada menunda kenderaan semata-mata, tugasnya bukan hanya mendengar aduan daripada saudara sahaja...kenapa tidak kamu mengambil cabaran ini (mengambil alih tugas penguatkuasaan trafik).

"Kamu juga Ahli Majlis (MBPP)... apa yang boleh saya syorkan, kamu ambil alih (tanggungjawab penguatkuasaan trafik) dan saya akan memberikan kuasa dan sumber tenaga penuh," katanya kepada Mah Hui pada sesi dialog dua hala dengan anggota *Penang Forum* dan Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

Guan Eng menyatakan demikian ekoran anggota *Penang Forum,* Kanda Kumar melahirkan rasa bimbang dengan keadaan kesesakan trafik yang begitu teruk di bahagian pulau, antara lain didakwa berpunca oleh penguatkuasaan berwajib yang lemah ke atas amalan parkir kenderaan haram di bahu jalan sebelum itu.

Beberapa anggota *Penang Forum* yang turut hadir antaranya, Datuk Dr. Leong Yueh Kwong, Datin Dr. Kam Suan Pheng, Rebecca Duckett dan Datuk Agatha Foo.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail, Pengarah Jabatan Kejuruteraan MBPP, Ir. Addnan Mohd. Razali dan Timbalan Pengarah Jabatan Kejuruteraan MBPP, Ir. A. Rajendran turut sertai forum berkaitan.

Sebagai maklum balas kepada tawaran tersebut, Mah Hui dalam reaksi spontan menyatakan bahawa beliau bersedia membantu sebagai penasihat sahaja bagi kerja-kerja penguatkuasaan MBPP, bukan sebagaimana disyor oleh Guan Eng.



**LIM Mah Hui (depan) dalam sesi dialog *Penang Forum* bersama-sama Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.**

## Semua aduan ADUN Berapit selesai, respons MPSP

**SEBERANG JAYA –** Semua isu setempat yang dibangkitkan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit, Lydia Ong Kok Fooi menerusi laman sosial, *Facebook* dan akhbar baru-baru ini sebenarnya telahpun ditangani oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), respons Setiausaha Majlis, Sr. Rozali Mohamud.

"Saya nampak di tapak, apa yang dibangkitkan telahpun selesai... jalan-jalan yang berlubang pun telahpun selesai (ditampal)," jelasnya mewakili Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif pada sidang media di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Menurut Rozali, Kok Fooi pada 21 Disember tahun lalu memang ada mengadu mengenai beberapa batang jalan di Berapit berlubang.

Namun, jelas Rozali, MPSP menerusi emel pada 6 Januari lalu telahpun memaklumkan bahawa kerja-kerja menampal beberapa jalan berkenaan secara berperingkat mulai 7 Januari lalu.

"Pembaikan jalan telah siap pada 21 Februari," katanya.

Rozali dalam pada itu turut memberi penjelasan mengenai rekod kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan yang dilaksanakan MPSP di dua kawasan perumahan, sebagai maklum balas kepada kenyataan Kok Fooi.

Tambahnya, Taman Bukit Indah mempunyai satu taman permainan dan satu taman rekreasi awam, manakala, di Taman Sri Bukit Indah pula terdiri oleh tiga buah taman permainan.

"Perkhidmatan pelupusan sampah adalah tiga kali seminggu, iaitu (dijadualkan) pada Isnin, Rabu dan Jumaat.

"Kerja-kerja pembersihan awam sekali dalam seminggu dan pemotongan rumput dijadualkan setiap 21 hari (tiap-tiap bulan).

"Pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan di taman rekreasi awam tersebut dibuat setiap 60 hari bagi satu pusingan, (dengan) kerja-kerja meliputi pemotongan rumput, penyapuan jalan dan pembersihan pokok-pokok renek" ujarnya.

Terdahulu, akhbar berbahasa Cina, *China Press* pada 21 Februari lalu antara lain melaporkan, *"Aduan jalan rosak tidak dapat diselesaikan. Lydia Ong Kok Fooi adu MPSP tidak nampak, tidak dapat dengar dan tidak dapat laksana."*

Akhbar *Sin Chew Daily* pula pada 22 Februari lalu, antara lain melaporkan, *"Jumaat buat aduan, Sabtu jalan siap dibaiki. Aduan YB Ong melalui Facebook adalah lebih berkesan?"*

Bercakap pada sidang media sama, para Ahli Majlis MPSP lain turut menyatakan komitmen untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pelanggan di Berapit, dengan mengharapkan sokongan sebagai 'satu pasukan' daripada Kok Fooi sendiri kelak.



**MAIMUNAH Mohd. Sharif (bertudung), Lim Hock Seng (baju-t berwarna putih) dan para peserta *Butterworth Discovery Walk 2016* mengadakan lawatan di kawasan sekitar pada penganjuran program berkaitan.**

## *Butterworth Discovery Walk* semarak nilai seni, budaya pekan lama

**BAGAN DALAM –** *Butterworth Discovery Walk 2016* dianjurkan demi menyemarakkan penghayatan aset kesenian dan nilai kebudayaan yang wujud di sekitar Pekan Lama Butterworth di sini.

Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MBPP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif dalam ucapannya memberitahu bahawa penganjuran program tersebut adalah selaras dengan Pelan Butterworth Baharu, dengan kerjasama Think City Sdn. Bhd. (ThinkCity).

"Pelan Butterworth Baharu ini diharap akan mengembalikan semula kegemilangan juga kelestarian Bandar Butterworth," katanya pada Majlis Perasmian Butterworth Discovery Walk 2016 di perkarangan Padang Pemuda Merdeka di sini baru-baru ini.

Turut berucap, Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Lim Hock Seng serta Pengarah Projek Butterworth Baharu dari ThinkCity.

Difahamkan, Pekan Lama Butterworth merupakan antara empat lokasi yang akan diremajakan oleh ThinkCity dalam tempoh lima tahun akan datang.

Tiga lokasi lain adalah Penang Sentral, Butterworth Waterfront dan Sungai Perai.

Sejak tahun 2011, MPSP bekerjasama dengan ThinkCity dalam meremajakan Butterworth serta mengembalikan semula kegemilangan kawasan-kawasan pelancongan warisan berwajib tersebut.

Kedua-dua pihak bekerjasama melakukan kajian lapangan dan penyelidikan terperinci mengenai potensi Butterworth dalam tempoh dua tahun, sejak 2014.

Pada tahun lalu sahaja, sebanyak 12 aktiviti dilakukan oleh MPSP bersama-sama ThinkCity.

Antaranya, *baseline survey & study of Downtown Butterworth, 1st International Arts Festival* dekat Butterworth di bawah *Butterworth Fringe Butterworth* (BFF), *Six Seberang Perai Stories,* Gotong-royong dekat Taman Pantai, Jeti Lama dan Rope Walk Bagan, rundingan awam dengan komuniti Taman Pantai serta kaum peniaga *Rope Walk Bagan,* penarafan Jalan Jeti Lama, Jalan Pasar dan Jalan Dato' Haji Ahmad Said, cetakan 12 poskad mengenai *Butterworth Quick Guide* dengan pemetaan informasi dalam internet (*www.Butterworthguide.com*), pemetaan masjid-masjid warisan di Seberang Perai, BFF serta Pelan Tindakan Pekan Lama.

# Perkhidmatan PTL kini ke Jalan Mt. Erskine

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**PULAU TIKUS –** Laluan perkhidmatan bas ulang-alik percuma, *Pulau Tikus Loop* (PTL) kini diperluaskan hingga ke Jalan Mount Erskine, Tanjung Tokong di sini.

Laluan baru tersebut kini meliputi Jalan Kelawai (bermula di Plaza Gurney) ke Jalan Tanjung Tokong, Jalan Fettes, Jalan Mount Erskine, Jalan Burma, Jalan Pangkor dan berakhir di Jalan Kelawai semula di Gurney Paragon.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey berkata, pengenalan laluan baru itu membolehkan penduduk tempatan berulang-alik membeli-belah dan melawat ke tempat-tempat tumpuan pelancong di Pulau Tikus tanpa menggunakan kereta, terutama ketika musim-musim perayaan atau jualan murah.

Malah, beliau memberitahu, permintaan untuk memperluaskan jaringan perkhidmatan PTL amat memberangsangkan sejak beliau merasmikannya pada Oktober 2014 melibatkan laluan di Jalan Kelawai, Jalan Bagan Jermal, Jalan Burma dan Jalan Pangkor.

"Perjalanan sepanjang laluan baru ini membolehkan orang ramai berulang-alik secara bebas tanpa perlu bimbang tentang tempat meletak kereta atau tersangkut dalam kesesakan lalu lintas.

"Walau bagaimanapun, laluan baru ini tidak lagi akan melalui Jalan Bagan Jermal seperti sebelum ini," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Operasi (COO) Rapid Penang Sdn. Bhd., Mejar (B) Mohd. Shukri Abd. Rahman, Pengarah Eksekutif Kumpulan Hunza Properties Berhad, Khor Tze Ming dan Pengurus Komunikasi Pemasaran Plaza Gurney, Peter Chan.

Perkhidmatan PTL adalah inisiatif yang dijalinkan antara Pejabat ADUN Pulau Tikus, Rapid Penang Sdn. Bhd. (Rapid Penang), Plaza Gurney dan Gurney Paragon dalam usaha merungkai masalah kesesakan lalulintas di Pulau Tikus.

"Bukan sahaja mengurangkan kesesakan lalulintas, tetapi lebih kepada mahu mendidik orang ramai supaya menggunakan perkhidmatan awam yang terbukti lebih mesra alam dan murah," jelas beliau.




**(Dari kiri), YAP Soo Huey, Peter Chan, Mohd. Shukri Abd. Rahman dan Khor Tze Ming menunjukkan tanda bagus pada perasmian laluan baru perkhidmatan *Pulau Tikus Loop* di sini baru-baru ini.**

Dengan paparan *"FREE Pulau Tikus Loop"* pada bas, perkhidmatan PTL bermula seawal pukul 8 pagi sehingga 10 malam setiap hari dengan anggaran setiap pusingan memakan masa 30 minit.

# Kasthuriraani ziarah kanak-kanak mangsa dera

**PERAI –** Kanak-kanak perempuan berusia lima tahun yang dipercayai didera ibu kandung di rumah dekat Kampung Manis di sini kian stabil, selepas menerima rawatan di Hospital Seberang Jaya baru-baru ini.

Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani berharap rawatan dan pemerhatian daripada doktor pakar mampu memulihkan sepenuhnya perasaan trauma mangsa.

"Saya akan cuba membantu mangsa sedaya mungkin agar mangsa dapat menjalani kehidupan yang lebih baik selepas ini," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan terhadap kanak-kanak berkaitan di sini baru-baru ini.

Dalam perkembangan sama, beliau turut memuji tindakan jiran yang segera menghubungi polis apabila terlihat kanak-kanak berkenaan didera.

Timbalan Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk A. Thaiveegan dalam kenyataan berasingan dilaporkan berkata, kanak-kanak itu akan menerima rawatan di hospital sehingga sembuh, sebelum diserahkan kepada datuk dan neneknya atau Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Beliau memberitahu, mangsa dilihat semakin stabil dan pulih selepas menerima rawatan di situ.

Tambah Thaiveegan, polis akan mendapatkan laporan perubatan kanak-kanak itu bagi melengkapkan kertas siasatan kes berkenaan, sebelum menyerahkan kepada Pejabat Pendakwa Raya untuk tindakan lanjut.

Sementara itu, Pengarah JKM Pulau Pinang, Said Sidup dilaporkan berkata, pihaknya akan memohon kepada mahkamah untuk mendapatkan perintah perlindungan sementara untuk menjaga kanak-kanak berkenaan.



**P. Kasthuriraani.**

Katanya, mangsa akan ditempatkan sementara di rumah perlindungan di Taman Bakti Kanak-kanak dekat Kepala Batas, selepas dibenarkan keluar dari hospital, sebelum pihaknya membenarkan anggota keluarga menjaga beliau.

Terdahulu, mangsa terselamat dari deraan (dipercayai) ibu kandung pada 2 Februari lalu, selepas jiran menghubungi polis.

Polis menemui kanak-kanak itu dalam keadaan tidak bermaya dan mengalami kecederaan di belakang badan, lebam pada kelopak mata kiri, dua batang gigi tengah retak dan longgar serta terdapat kesan calar pada ibu jari kanan.



**SALAH seorang penduduk menunjukkan gambar sejumlah barangan antik miliknya yang dipercayai dicuri baru-baru ini sambil diperhatikan oleh R.S.N. Rayer (kanan sekali) selepas sesi dialog tertutup bersama-sama penduduk Island Glades di sini.**

# ADUN saran guna aplikasi *WhatsApp* banteras jenayah

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**SERI DELIMA –** Penduduk Lorong Delima 13, Island Glades di sini disarankan menggunakan aplikasi pesanan segera, *WhatsApp* sebagai langkah membantu membanteras kes-kes jenayah di kawasan kejiranan berkenaan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer berkata, komuniti di kawasan kejiranan berkaitan dicadangkan mempunyai satu kumpulan *WhatsApp* yang masing-masingnya terdiri daripada komuniti setempat, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK), beliau sendiri selaku ADUN kawasan dan pihak polis.

Jelasnya, penggunaan *WhatsApp* bukan sahaja pantas, malah lebih mudah memandangkan aplikasi tersebut juga membolehkan mereka mengirimkan gambar mahupun video pendek selain menghantar pesanan teks.

"Kemudahan ini membolehkan komuniti yang berada di dalam kumpulan *WhatsApp* tersebut menyalur dan berkongsi maklumat dengan cepat agar tindakan segera dapat diambil oleh pihak polis.

"Saya percaya ia dapat membantu membendung kes-kes pecah rumah dan kecurian yang dilaporkan di kejiranan ini," katanya ketika mengadakan dialog tertutup bersama-sama penduduk di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Syerleena Abd. Rashid dan D.R. Kala serta Ketua Balai Polis Cawangan Jelutong, Asisten Superintenden Polis (ASP) Rohizad Halim.

Mengulas lanjut, Rayer memberitahu bahawa pihaknya menerima beberapa aduan kes pecah rumah sejak November tahun lalu, beberapa selain beberapa maklum balas berkaitan individu yang mencurigakan sering kelihatan di sekitar kawasan tersebut.

"Kerisauan penduduk di sini melibatkan soal keselamatan dan saya serta pihak polis komited untuk meningkatkan usaha membendung kes-kes jenayah di sini.

"Ia termasuk menyalurkan peruntukan khas bulanan berupa bayaran sewa sebuah rumah untuk dijadikan pondok polis komuniti dalam usaha mencegah jenayah," ujar beliau.

# Enam hentian bas papar ceritera sejarah & warisan Pulau Tikus

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**



SALAH seorang pengunjung menceritakan ceritera di sebalik lukisan kepada anak-anaknya di Jalan Kelawai.



YAP Soo Huey diapit 'Uncle Arab' (kiri) dan Neoh Eng Tek ketika merakam gambar kenangan di perhentian bas yang memaparkan wajah-wajah mereka di sini baru-baru ini.

**PULAU TIKUS** – Enam perhentian bas di sini baru-baru ini dipilih bagi memaparkan ceritera sejarah dan warisan penduduk Pulau Tikus yang berbilang kaum.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey berkata, setiap satu perhentian bas memaparkan ceritera satu kaum yang diilhamkan mengikut bangsa komuniti setempat.

"Setiap perhentian bas membawa ilustrasi komik yang menarik mengenai warisan budaya masyarakat di Pulau Tikus, antaranya, bangsa Serani *(Eurasian)*, Cina, Melayu, India, Thai dan Myanmar *(Burmese)*," katanya pada majlis pengenalan perhentian bas berkaitan di sini baru-baru ini.

Turut sama, Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Chris Lee Chun Kit serta dua individu tempatan yang potretnya diabadikan di 'kanvas' perhentian bas iaitu tukang baiki jam, Mohd. Fathi SK Abdul Rahman Rafee atau lebih dikenali sebagai 'Uncle Arab' dan pemilik kedai biskut *Ban Joo Lee Biscuits*, Neoh Eng Tek.

Diinspirasikan melalui projek *'Connecting with Our Heritage'*, Soo Huey memberitahu bahawa inisiatif tersebut merupakan pendekatan komuniti sulung seumpamanya yang diadakan di Pulau Pinang.

"Matlamatnya adalah untuk memberitahu pengunjung bahawa Pulau Tikus unik dan mempunyai sejarah serta warisannya yang tersendiri. Kami berbangga dengan persekitaran serta warisan yang wujud dalam komuniti ini sejak zaman berzaman.

"Inilah yang ingin kami tampilkan, beritahu semua orang, bahawa setiap komuniti mempunyai ceriteranya tersendiri.

"Buat masa ini, hanya tiga perhentian bas siap sepenuhnya iaitu di hadapan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Convent Pulau Tikus di Jalan Burma, Jalan Kelawai berhampiran Jalan Jones dan di Lengkok Burma," jelas beliau.

## PERUMAHAN MAMPU MILIK (PMM)
### PDC BAGI PIHAK KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Perumahan Mampu Milik (PMM) telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam usaha untuk membantu rakyat Pulau Pinang untuk memiliki sebuah rumah – Satu Keluarga Satu Rumah. Kerajaan Negeri telah mengenalpasti harga rumah mampumilik ini yang mana ianya bermula dari RM72,500.00 sehingga RM400,000.00. Projek pertama PDC untuk rumah mampu milik adalah projek Hijau E-Komuniti di Bandar Cassia ( Batu Kawan) Daerah Seberang Perai Selatan dan diikuti dengan projek akan datang iaitu Duo Residensi (Teluk Kumbar) Daerah Barat Daya dan Jiran Residensi ( Kampung Jawa ) bagi Daerah Seberang Perai Utara.

Hijau E-Komuniti yang telah dirancang teliti merupakan satu projek pembangunan yang mengutamakan kemampanan. Ia telah dibina dengan "Green Lung" sepanjang 2km yang bertujuan untuk mengekalkan ekosistem alam sekitar dengan sebaik mungkin. Dari dalam kediaman hinggalah ke kehijauan landskap dan kelengkapan prasarana terkini, Hijau E-Komuniti sedia menjadi ikon baru Bandar Cassia ( Batu Kawan ) dan disamping Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah sebagai mercu tanda Pulau Pinang.

Manakala di Kampung Jawa di Daerah Seberang Perai Utara, Projek Perumahan Mampu Milik dikenali sebagai Jiran Residensi terletak dikawasan yang telah membangun. Ini menjadikan ia sebagai kawasan pilihan utama yang dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur yang tersedia ada. Mempunyai 3 pilihan iaitu dari 65 m.s , 78 m.s dan 92 m.s yang berharga dari RM72,500.00 , RM200,000.00 dan RM250,000.00.

Teluk Kumbar di Daerah Barat Daya , Projek Perumahan Mampu Milik ini dikenali sebagai Duo Residensi mempunyai 3 pilihan iaitu dari 65 m.s , 78 m.s dan 92 m.s yang berharga dari RM72,500.00 , RM250,000.00 dan RM330,000.00 . Dikelilingi dengan kemudahan awam dan infrastuktur yang lengkap seperti sekolah, Puspakom, taman riadah dengan kawasan yang unik di atas bukit menjanjikan panaroma yang indah.

Permohonan bagi Perumahan Mampu Milik haruslah dibuat di Tingkat 3 Bahagian Perumahan KOMTAR melalui Borang PN1.



"Aerial View"

Hijau EKOMUNITI
04-613 9999



"Aerial Perspective"

Oleh : **ME**









## JADUAL PROGRAM SARINGAN MAMMOGRAM PERCUMA PULAU PINANG 2016

| | Sabtu | Pulau Pinang | Seberang Perai | Ahad | Pulau Pinang | Seberang Perai |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Mar | 5 | Kebun Bunga | Bukit Tengah | 6 | Pulau Tikus | Jawi |
| | 12 | Batu Uban | Machang Bubok | 13 | Bayan Lepas | Pinang Tunggal |
| | 19 | Paya Terubong | Sungai Acheh | 20 | Komtar | Pmtg Berangan |
| | 26 | Bagan Dalam | Sg Dua | 27 | Air Itam | Telok Air Tawar |
| Apr | 2 | Sungai Pinang | Sungai Puyu | 3 | Teluk Bahang | Penaga |
| | 9 | Pantai Jerjak | Penanti | 10 | Tanjong Bungah | Seberang Jaya |
| | 16 | Batu Maung | Perai | 17 | Padang Kota | Bukit Tambun |
| | 23 | Seri Delima | Sungai Bakap | 24 | Air Putih | Bagan Jermal |
| | 30 | Pulau Betong | Berapit | 1 | Labour Day | |
| Mei | 7 | Pengkalan Kota | Padang Lalang | 8 | Dato Keramat | Bertam |
| | 14 | Pulau Tikus | Jawi | 15 | Batu Lanchang | Pmtg Pasir |
| | 21 | Wesak Day | | 22 | Kebun Bunga | Bukit Tengah |
| | 28 | Bayan Lepas | Pinang Tunggal | 29 | Batu Uban | Machang Bubok |
| Jun | 4 | Yang di-Pertuan Agong's Bday | | 5 | | |
| | 11 | Komtar | Pmtg Berangan | 12 | Bagan Dalam | Sg Dua |
| | 18 | Air Itam | Teluk Air Tawar | 19 | Paya Terubong | Sungai Acheh |
| | 25 | Teluk Bahang | Penaga | 26 | Sungai Pinang | Sungai Puyu |